- Mengemaskinikan dan menyediakan SKT Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.
- Menguruskan aduan-aduan berkaitan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

24. Menguruskan semua baucar bayaran.



Borang Penyata Pemunya.






7
JABATAN
KAWALAN
BANGUNAN
MBPJ

JABATAN KAWALAN BANGUNAN

Struktur organisasi Jabatan Kawalan Bangunan terbahagi kepada 5 bahagian dengan fungsi-fungsi yang ditetapkan iaitu:

BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN DAN KELULUSAN

- Memproses dan meluluskan permohonan kelulusan di peringkat:
  a. Jawatankuasa OSC
  b. Jabatan
- Memproses dan meluluskan permohonan kelulusan pelan bangunan tapak binaan.
- Memproses dan meluluskan permohonan kelulusan pelan bangunan baru dan ubah suai bangunan berpandukan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
- Memantau perlaksanaan dan menambah baik proses kelulusan.
- Mengumpul data-data pembangunan dan kelulusan.

BAHAGIAN KAWALAN PEMBINAAN DAN PENGUATKUASAAN

- Mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas binaan tanpa kebenaran dan binaan melencong daripada pelan yang diluluskan di bawah peruntukan Seksyen 70, Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133).
- Memantau, memeriksa dan mengeluarkan sijil Pemeriksaan Penyempurnaan (SPP) Bangunan melebihi 5 tingkat dan melebihi 10 tahun selepas CFO/CCC dikeluarkan.
- Membuat siasatan ke atas aduan-aduan yang diterima.
- Urusetia Salahguna Bangunan.
- Mengkoordinasi operasi meroboh binaan tanpa kebenaran.
- Memantau projek-projek terbengkalai.

BAHAGIAN KAWALAN STRUKTUR DAN KESELAMATAN BANGUNAN

- Memproses dan meluluskan permohonan kelulusan pelan bangunan/struktur sementara seperti permohonan mendirikan menara dan struktur sistem pemancar telekomunikasi, struktur paparan iklan, pejabat jualan sementara, hotel bajet, binaan tapak bina dan rumah contoh.

- Membuat siasatan ke atas aduan yang berkaitan dan seterusnya mengambil tindakan penguatkuasaan.
- Memproses permohonan merobohkan bangunan.
- Memeriksa keselamatan struktur bangunan lebih 5 tingkat yang melebihi 10 tahun SKM dikeluarkan di bawah peruntukan Seksyen 85A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133).
- Memeriksa keselamatan struktur bangunan Majlis.
- Melaksanakan dan memantau projek-projek Majlis di bawah seliaan Jabatan.

BAHAGIAN KAWALAN TAPAK BINA & PENGURUSAN PROGRAM

- Membuat lawatan berkala ke tapak bina bagi memastikan binaan yang dibina mematuhi pelan yang diluluskan mengikut penerimaan permohonan berikut:
  a. Permohonan Borang B dan Borang Berperingkat G1-G3
  b. Permohonan Borang Berperingkat G4 hingga G21
- Mengeluarkan surat sokongan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dan memantau penerimaan borang F oleh PSP.
- Memproses permohonan bagi pengeluaran Surat Pengembalian Wang Cagaran.
- Membuat lawatan berkala ke tapak supaya binaan tidak melencong dari garis panduan yang ditetapkan.
- Menyediakan data dan kajian reka bentuk untuk bangunan Majlis agar setiap pembangunan Majlis yang dilaksanakan oleh Majlis sendiri telah mengambil kira semua aspek berkaitan dengan penetapan garis panduan yang diguna pakai oleh Majlis untuk pembangunan luar.
- Melaksanakan program di bawah seliaan Jabatan.

BAHAGIAN PENGURUSAN DASAR DAN STRATEGIK

- Menganalisa, menyelaraskan dan menambah baik dasar dan garis panduan Jabatan serta membantu dalam pelaksanaan.
- Menambah baik dan menyediakan ISO dan SOP Jabatan.
- Memantau serta menambah baik dasar dan garis panduan sedia ada seperti penyediaan manual jabatan dan sebagainya.
- Mengkoordinasi serta memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan e-Bangunan dan GIS.
- Mengkoordinasi serta memantau projek-projek yang melibatkan pengurusan tenaga dan lain-lain yang berkaitan dengan bangunan.
- Memantau dan mengurus hal ehwal pentadbiran dan kewangan jabatan.
- Merancang dan melaksana seminar/bengkel/lawatan sambil belajar.

AKTIVITI-AKTIVITI JABATAN

BAHAGIAN KAWALAN PEMBANGUNAN DAN KELULUSAN

JUMLAH PERMOHONAN YANG TELAH DILULUSKAN BAGI JANUARI HINGGA DISEMBER 2021		
JENIS PERMOHONAN		**JUMLAH**
BANGUNAN BARU	Pembangunan Bercampur	-
	Pembangunan Komersial	4
	Pembangunan Perumahan	2
	Bangunan Institusi	3
	Bangunan Komersial	1
	Bangunan Industri	3
	Bangunan Perniagaan	2
	Rumah Banglo	40
	Rumah Berkembar	2
	Rumah Bandar	4
	Rumah Teres	2
Tambahan / Pindaan	Rumah Banglo	82
	Rumah Berkembar	49
	Rumah Teres	338
	Bangunan Institusi	9
	Bangunan Komersial	18
	Bangunan Industri	18
	Bangunan Perniagaan	35
	Sekatan Dinding	317
	Pelan Setara	82
	Perubahan Matan	-
Bangunan / Struktur Sementara	Struktur Paparan Iklan	536
	Struktur Telekomunikasi	-
	Permit Sementara	34
	Pejabat Jualan	-
	Binaan Tapak Bina	110
	Meletak Bahan Binaan	121
	Pondok Pengawal	-
Permohonan Merobohkan Bangunan		**-**
Lanjutan Tempoh Permohonan		**-**
JUMLAH		**1,812**

BAHAGIAN
KAWALAN TAPAK BINA DAN PENGURUSAN PROGRAM

Penerimaan CCC

Memastikan lawatan tapak bina dilakukan sekurang-kurangnya sekali mengikut syarat-syarat yang ditetapkan sebelum surat sokongan perakuan siap & pematuhan (CCC) dikeluarkan.

BIL.	BULAN	TAPAK BINA	TAPAK BINA DILAWATI			
			Menepati Tempoh		Tidak Menepati Tempoh	
			Jumlah	%	Jumlah	%
1.	Januari	4	2	50	2	50
2.	Februari	5	4	80	1	20
3.	Mac	20	14	70	6	30
4.	April	22	22	100	0	0
5.	Mei	17	12	71	5	29
6.	Jun	0	0	0	0	0
7.	Julai	0	0	0	0	0
8.	Ogos	8	8	100	0	0
9.	September	12	6	50	6	50
10.	Oktober	18	7	38	11	62
11.	November	20	16	80	4	0
12.	Disember	9	2	22	7	78
JUMLAH		135	93	68	42	32

Memastikan penerimaan borang F yang dikemukakan lengkap dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

BIL.	BULAN	Permohonan	LAPORAN SEMAKAN DIKELUARKAN			
			Menepati Tempoh		Tidak Menepati Tempoh	
			Jumlah	%	Jumlah	%
1.	Januari	4	4	100	0	0
2.	Februari	3	3	100	0	0
3.	Mac	5	5	100	0	0
4.	April	6	6	100	0	0
5.	Mei	8	6	75	2	25
6.	Jun	0	0	0	0	0
7.	Julai	3	2	66	1	34
8.	Ogos	2	2	100	0	0
9.	September	1	1	100	0	0
10.	Oktober	10	4	40	6	60
11.	November	9	5	55	4	45
12.	Disember	8	2	25	6	75
JUMLAH		59	40	53	19	47

BAHAGIAN
KAWALAN PEMBINAAN DAN PENGUATKUASAAN

Tindakan Penguatkuasaan

Tindakan penguatkuasaan terhadap binaan tanpa kebenaran, binaan melencong daripada pelan yang diluluskan dan kesalahan di tapak binaan di kawasan Majlis dijalankan di bawah peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Tindakan penguatkuasaan diambil berpandukan aduan yang diterima, rondaan dan pemantauan tapak binaan oleh Pemeriksa Bangunan. Jabatan Kawalan Bangunan mencatatkan penerimaan aduan sebanyak 503 aduan pada tahun 2021 berbanding 522 aduan pada tahun 2020. Penurunan aduan sebanyak 19 (-3.6%).



Tindakan penguatkuasaan ke atas aduan-aduan diambil dengan mengeluarkan notis-notis seperti pecahan carta dibawah:



Sebanyak 76 operasi meroboh binaan tanpa kebenaran dan struktur iklan haram telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021. Kerja-kerja perobohan dijalankan oleh Majlis atau kontraktor yang dilantik dengan kerjasama jabatan-jabatan lain yang berkaitan seperti Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kejuruteraan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad.



Perobohan struktur binaan tanpa kebenaran

PEMERIKSAAN
BANGUNAN SECARA BERKALA

Pemeriksaan bangunan-bangunan yang melebihi lima tingkat selepas 10 tahun Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan dijalankan di bawah peruntukan Seksyen 85A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Pada tahun 2021 sebanyak 50 notis telah dikeluarkan ke atas bangunan-bangunan yang melebihi lima tingkat yang telah cukup tempoh. Sebanyak 17 Sijil Penyempurnaan Pemeriksaan telah dikeluarkan kepada pemilik bangunan.






Lawatan tapak Pemeriksaan Bangunan Berkala






Majlis Penganugerahan dan Taklimat Pemantapan Kecekapan Mandatori Pemeriksaan Bangunan Berkala (MBCS-MBPJ) Seksyen 85A, Akta 133

BAHAGIAN
KAWALAN STRUKTUR DAN KESELAMATAN BANGUNAN

Pecahan Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan/Struktur Sementara.



PEMERIKSAAN
BANGUNAN DEWAN SERBAGUNA SS1/19, PETALING JAYA



NAMA BANGUNAN	:	Dewan Serbaguna SS1/19B
ALAMAT	:	Jalan SS 1/19, Kampung Tunku, 47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
STATUS KEGUNAAN	:	Masih Beroperasi
BILANGAN TINGKAT	:	1 blok 1 tingkat
KELUASAN BANGUNAN	:	597 meter persegi
USIA	:	Melebihi 40 tahun
SEJARAH PENYENGGARAN	:	Bangunan ini diselenggara oleh kontraktor - kontraktor yang dilantik oleh pihak MBPJ
KUMPULAN PEMERIKSA	:	Tetuan SM D'Reka

TUJUAN

Program pemeriksaan bangunan-bangunan Majlis untuk memastikan struktur bangunan sentiasa berada dalam keadaan kukuh dan selamat untuk diduduki. Laporan ini juga disediakan bagi membantu Majlis merancang kerja-kerja menaik taraf serta penyelenggaraan dengan lebih teratur serta menjimatkan kos.

OBJEKTIF KAJIAN

a) Menjalankan pemeriksaan visual terhadap keadaan struktur sedia ada dan tahap kemerosotan dan kecacatan bangunan tersebut.

b) Mengubah struktur bumbung kepada jenis yang lebih curam, atau menambah baik sistem kalis air (waterproofing) dan penambahan sistem pengumpulan air hujan bagi kegunaan tandas dan landskap.

c) Menambah baik sistem pengudaraan di dalam bangunan.

d) Memeriksa, mengkaji dan mencadangkan penambahbaikan dari segi reka bentuk sejagat dan memenuhi keperluan Orang Kurang Upaya (OKU).

e) Mengkaji dan mencadangkan penambahbaikan dalam mengaplikasikan inovasi "Bangunan Pintar" yang lebih jimat tenaga dan sumber.

SKOP KAJIAN

a) Kajian Peringkat Penilaian Bangunan (Building Assessment).
b) Untuk menjalankan pemeriksaan visual menyeluruh.
c) Untuk menjalankan pemetaan kecacatan struktur dan bangunan.

SIASATAN STRUKTUR

a) Rebound hammer
b) Ujian ketebalan konkrit (concrete cover meter test)

BAHAGIAN
PENGURUSAN DASAR DAN STRATEGIK

Energy Management and Energy Audit in Building Series 2 di bawah "Program Pengurusan Tenaga, Pelaksanaan Piawai Malaysia (MS1525) dan Bangunan Rendah Karbon MBPJ"

TARIKH: 7 DISEMBER 2021







JAWATANKUASA TEKNIKAL PROGRAM 3 TAHUN PENGURUSAN TENAGA, PELAKSANAAN PIAWAIAN MALAYSIA (MS) 1525 & BANGUNAN RENDAH KARBON (2020 – 2023)







PROGRAM PENGURUSAN TENAGA, PELAKSANAAN PIAWAI MALAYSIA (MS 1525) DAN BANGUNAN RENDAH KARBON MBPJ BERSAMA AGENSI KERAJAAN












8
JABATAN
PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
MBPJ

JABATAN
PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Hala tuju Jabatan Pembangunan Masyarakat lebih tertumpu kepada pembentukan persekitaran yang kondusif ke arah kehidupan serba berkualiti kepada warga Petaling Jaya. Perluasan kualiti kehidupan masyarakat dari pelbagai aspek fizikal, sosial dan psikologikal dapat meningkatkan pembangunan insaniah, keilmuan, kecergasan mental dan fizikal serta mempertabatkan seni dan budaya khususnya bagi warga / penduduk Petaling Jaya.

FUNGSI-FUNGSI

BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN

- Merancang, menyelaras, melaksana dan memantau program-program pembangunan sukan.
- Merancang, menyelaras dan menganjurkan program-program sukan berprestasi tinggi.
- Mempromosi gaya hidup sihat melalui penganjuran program masyarakat.

BAHAGIAN KEMUDAHAN AM

- Merancang, menyelaras, melaksana dan memantau permohonan penggunaan kemudahan am dan logistik.
- Memantau, menyelaras dan melaksana segala aduan kerosakan kemudahan am.
- Menyelaras dan melaksana urusan pengebumian jenazah/mayat di tanah perkuburan dan krematorium Majlis.

BAHAGIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN, SOSIAL DAN PELANCONGAN

- Merancang, menyelaras program aktiviti pelancongan yang bertaraf domestik dan antarabangsa bagi menarik penyertaan dan pengunjung ke Petaling Jaya.
- Menyertai program-program peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa bagi menambah baik produk-produk pelancongan di Petaling Jaya dengan perancangan yang disusun sama ada dalam bentuk projek pembangunan atau promosi pelancongan.
- Menjalinkan hubungan kerjasama dua hala dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan NGO yang terlibat secara langsung dengan industri pelancongan bagi meletakkan Petaling Jaya di peta dunia.
- Mengurus dan memantau semua acara-acara pelancongan yang dianjurkan selari dengan dasar Majlis dan Kerajaan Negeri.

BAHAGIAN SUMBER ILMU

- Menyediakan perkhidmatan perpustakaan kepada semua golongan masyarakat di mana bentuk koleksi perpustakaan akan dipelbagaikan untuk golongan kanak-kanak, remaja, dewasa serta mengambil kira golongan suri rumah dan warga emas.
- Memberi kesedaran semasa mengenai perkhidmatan perpustakaan yang ditawarkan melalui pelbagai aktiviti keilmuan dan mengadakan program ke arah gerakan minat membaca.
- Meningkatkan mutu perkhidmatan perpustakaan dengan memperkenalkan kaedah penggunaan teknologi maklumat sebagai satu alternatif kepada pencapaian maklumat secara komprehensif, perkhidmatan perpustakaan diautomasi sepenuhnya seiring dengan perkembangan teknologi.
- Menjadikan perpustakaan komuniti sebagai “One-Stop Information Center” untuk koleksi akta-akta Malaysia dan mengumpulkan penerbitan-penerbitan “published dan unpublished” untuk dokumen MBPJ serta nota-nota kursus yang pernah diadakan oleh MBPJ.
- Unit Muzium berfungsi sebagai pusat penyelidikan, penyimpan, pemeliharaan dan pemuliharaan koleksi bahan sejarah Petaling Jaya di samping menyebar maklumat sejarah Petaling Jaya serta memupuk semangat kesedaran masyarakat terhadap bahan sejarah dan budaya sendiri.
- Unit Taska MBPJ berperanan untuk memberikan perkhidmatan penjagaan serta mendidik kanak-kanak supaya mendapat asuhan serta didikan yang sewajarnya sebagai asas melahirkan insan cemerlang dan generasi berakhlak mulia.

BAHAGIAN KHIDMAT KOMUNITI & PEMBANGUNAN MODAL INSAN

- Merancang, menyelaras, melaksana dan memantau program dan aktiviti khidmat komuniti dan pembangunan modal insan.
  - » Program / aktiviti Remaja
  - » Program / aktiviti Belia
  - » Program / aktiviti Warga Emas
  - » Program / Hal Ehwal Wanita (HEWA)
  - » Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB)
  - » Program Mesra Rakyat / Komuniti
  - » Program Mesra Industri
  - » Program Orang Kurang Upaya (OKU)
  - » Program Hari Tanpa Kenderaan
- Menyelaras, melaksana dan memantau perkhidmatan van transit OKU kepada golongan Orang Kurang Upaya bagi menghadiri temujanji ke Pusat Perubatan dan hospital.
- Menyelaras, melaksana dan memantau permohonan pelekat kenderaan OKU.

AKTIVITI-AKTIVITI PERBELANJAAN

PERBELANJAAN MENGURUS & PEMBANGUNAN



BIL	VOT	PERUNTUKAN ASAL (RM)	BELANJA SEBENAR (RM)	% BELANJA
1.	Mengurus	19,244,480.00	15,446,901.54	80%
2.	Pembangunan	949,530.00	485,065.00	51%

HASIL

KUTIPAN HASIL TAHUN 2021



	KEMUDAHAN	PERKUBURAN	KEBUDAYAAN	SUMBER ILMU	TASKA	KOMUNITI
SERIES 1	1,019,076.94	441,888.40	3,720.00	21,074.90	175,070.00	17,352.20

VOT	JENIS HASIL / KEMUDAHAN
Kemudahan	Kolam Renang, sewa gelanggang sukan, padang, dewan, kompleks sukan, auditorium, stadium
Perkuburan	Perkhidmatan pengebumian perkuburan Islam & India dan krematorium
Kebudayaan	Bayaran persembahan kebudayaan
Sumber Ilmu	Yuran perpustakaan dan perpustakaan bergerak, sewa auditorium perpustakaan, bayaran denda perpustakaan
Taska	Yuran buku, alat tulis, taska, jualan tshirt dan uniform
Komuniti	Jualan Barangan PPKB – beg karung kitar dan kuih pau

LAPORAN BERGAMBAR PROGRAM TAHUNAN
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT TAHUN 2021

PROGRAM SECARA MAYA



KEMPEN MEMBACA : JOM MEMBACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT "Baca Itu Terapi".



PROGRAM MALAYSIA #QURAN HOUR 2021



CERAMAH KEIBUBAPAAN – "MY LITTLE STRANGER" MBPJ BERSAMA KOLEJ SAITO



PERTANDINGAN JOM BERCERITA BAHASA MELAYU DAN BAHASA INGGERIS SECARA MAYA



PERTANDINGAN MEWARNA SECARA MAYA



PERTANDINGAN KUIZ TOKOH DAN PENGETAHUAN AM SECARA MAYA



PERTANDINGAN KUIZ TOKOH DAN PENGETAHUAN AM SECARA MAYA



MENGADAKAN PAMERAN LUAR – PAMERAN KUEH KITA



PERTANDINGAN DEKLAMASI SAJAK PETALING JAYA 2021

PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN REMAJA





KEJOHANAN SEPAK TAKRAW PANTAI TERBUKA
LOKASI : *SHAH ALAM & PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN*
TARIKH : *11 & 12, 18 & 19/12/2021*





KEJOHANAN FUTSAL TERBUKA WANITA 2021
LOKASI : *KUANTAN*
TARIKH : *27/11/2021*





KEJOHANAN BOLA SEPAK PANTAI MONSOON CUP TERBUKA
LOKASI : *KELANTAN*
TARIKH : *25 & 26/12/2021*

PROGRAM KOMUNITI & MODAL INSAN





JOM SHOPPING KEMBALI KE SEKOLAH 2021





KURSUS PENYEDIAAN KUIH RAYA





PROGRAM KESEDARAN & KEROHANIAN REMAJA

PROGRAM KOMUNITI & MODAL INSAN





PROGRAM MESRA RAKYAT DUN TAMAN MEDAN









CERAMAH KESIHATAN DAN SENAMAN WARGA EMAS

PROGRAM KOMUNITI & MODAL INSAN





PROGRAM JALINAN KASIH GOLONGAN TERLANTAR









PROGRAM TAUTAN KASIH WARGA EMAS DAN OKU

PROGRAM KOMUNITI & MODAL INSAN





KARNIVAL PENJANA KERJAYA @ PETALING JAYA 2021









PROGRAM LAMAN TANI HEWA

PROGRAM KEBUDAYAAN & KOTA SENI



PJ FUN RIDE 2021



GELANGGANG MONO MAYA 2021



PELANCARAN HARI KEMERDEKAAN MALAYSIA KE 64



PERTANDINGAN PERAGAAN BUSANA TRADISI INDIA




9
JABATAN
PENGUATKUASAAN
MBPJ

JABATAN PENGUATKUASAAN BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

PENGUATKUASAAN KHAS

- Memantau dan mengambil tindakan kompaun dan sitaan terhadap pusat hiburan, pusat siber dan kafe siber dan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan dan hotel serta rumah urut mengikut undang-undang yang ditetapkan.
- Menguruskan penguatkuasaan di kawasan pentadbiran Majlis.

PENGURUSAN PENDAKWAAN

- Menguruskan pengeluaran dan penerimaan alat *hand held* kepada anggota.
- Menyediakan pengeluaran notis bagi kompaun tidak berbayar.
- Menyediakan borang pengaduan kes untuk tindakan mahkamah.
- Membuat semakan/carian ROB dan ROC serta penyediaan pemilikan kenderaan untuk kes mahkamah.
- Memproses bayaran kompaun melalui pos.
- Membuat carian terhadap OKK jika terdapat lebih daripada 10 kompaun.
- Mengemas kini bayaran kompaun/notis.
- Mengemas kini undang-undang kecil/akta yang diguna pakai oleh pihak Majlis.

IKLAN

- Memantau, menyiasat, melakukan penyamaran terhadap kesemua jenis iklan di kawasan pentadbiran Majlis yang dikenal pasti memalsukan permit, salah guna iklan dan pemasangan secara haram.
- Membuat carian maklumat dan menyiasat aduan berhubung iklan-iklan di kawasan Majlis dalam tempoh 24 jam.
- Menurunkan iklan-iklan yang melanggar syarat dan haram.
- Mengambil tindakan kompaun dan mengeluarkan notis terhadap pemilik iklan haram.

PARK WARDEN

- Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil Taman 2005.
- Menjalankan pemantauan dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan pembuangan sampah.
- Membuat pemantauan dan rondaan di sekitar Taman Jaya dan Taman Bandaran.

BAHAGIAN OPERASI

OPERASI

- Menguatkuasakan undang-undang yang diguna pakai oleh Majlis.
- Melaksanakan operasi mengikut perancangan seperti meroboh, sitaan, halangan, penjaja tanpa lesen, VCD/DVD dan sebagainya.
- Membuat rondaan dan melaksanakan tindakan kompaun, sitaan dan eskot di kawasan pentadbiran Majlis.
- Membuat kawalan keselamatan di majlis-majlis rasmi dan menjaga harta benda Majlis.
- Mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang diterima oleh pihak Jabatan.
- Operasi bersepadu dengan agensi luar seperti Polis, Jabatan Agama Islam Selangor, Agensi Antidadah Kebangsaan, Imigresen, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

BAHAGIAN PENGURUSAN

PENTADBIRAN

- Menguruskan surat-menyurat berhubung hal ehwal pentadbiran.
- Mengendalikan sistem fail mengikut standard pengekodan yang ditetapkan oleh Majlis.
- Menguruskan tuntutan lebih masa dan elaun perbatuan.
- Menyediakan laporan bulanan tindakan penguatkuasaan (PMP) untuk Mesyuarat Jawatankuasa Majlis.
- Menyediakan anggaran belanjawan dan anggaran hasil tahunan Jabatan.
- Menguruskan dan mengawal pergerakan wang panjar.
- Menyediakan laporan pembayaran kepada kontraktor yang dilantik.
- Menguruskan mesyuarat dalaman dan luar.
- Menyediakan maklum balas mesyuarat bagi semua mesyuarat yang melibatkan Majlis dan mesyuarat luaran.
- Menguruskan hal ehwal bekalan seperti pembelian dan pengagihan bekalan mengikut peruntukan yang diluluskan seperti pakaian seragam anggota, kasut, aksesori dan lain-lain.
- Menguruskan lawatan rasmi dan kunjungan hormat daripada agensi luar dan dalam.
- Merekod keratan akhbar yang berkaitan tugas-tugas penguatkuasaan, pendidikan, komuniti dan lain-lain melibatkan pihak Jabatan dan Majlis.
- Menyediakan perkhidmatan ambil gambar, suntingan, skrip, rakaman video melibatkan operasi-operasi penguatkuasaan Jabatan untuk tujuan rekod serta rujukan Mahkamah.
- Menerbitkan buletin dan risalah Jabatan secara berjadual.
- Mengadakan program pendidikan dan mesra bersama Orang Kena Kompaun (OKK), Penduduk Setempat, Pemilik/Pengusaha Premis Perniagaan, NGO dan lain-lain.
- Menguruskan dan menyediakan kelengkapan peralatan bagi tujuan pameran rasmi Jabatan.

- Menyediakan laporan/maklumat/teks media berkaitan tindakan penguatkuasaan semasa sidang media cetak dan elektronik.
- Menguruskan dan menyediakan kelengkapan peralatan bagi melancarkan perjalanan majlis, program dan aktiviti Jabatan seperti pembaca doa, juru acara dan sebagainya.
- Mengurus dan menyelia hal ehwal berkaitan pengambilan kakitangan baru.
- Mengurus dan menyelia hal ehwal berkaitan semua kursus Majlis, Jabatan dan agensi luar.

NAZIRAN

- Menguruskan urusan personel seperti hal ehwal cuti, kursus, tindakan tatatertib, pengambilan, laporan *thumb print* dan memo tunjuk sebab.
- Menguruskan hal ehwal berkaitan disiplin, perkhidmatan, latihan, pemantauan, pemeriksaan melibatkan warga kerja Jabatan seperti *Balance Key Performance Index* (BKPI), buku perkhidmatan, kehadiran latihan, kehadiran perbarisan dan Perhimpunan Bulanan Jabatan dan lain-lain.
- Menjalankan proses semakan kandungan buku poket, e-kedatangan, kit yang dibekalkan dan lain-lain.

KESELAMATAN

- Membuat kawalan keselamatan ke atas semua harta benda Majlis di Ibu Pejabat, Dewan Sivik dan pos-pos pengawal.
- Membuat siasatan dalaman dan menyediakan laporan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini.
- Mengawal orang awam yang masuk/keluar pejabat serta kawalan trafik di Ibu Pejabat dan Dewan Sivik serta membuat rondaan pada waktu malam mengikut jadual bertugas yang disediakan.
- Menguruskan dan memantau syarikat-syarikat kawalan keselamatan swasta yang dilantik secara kontrak bagi mengawal dan meronda di semua kawasan di bawah pentadbiran Majlis.
- Membuat pemeriksaan yang lebih kerap ke tempat yang dikenal pasti bermasalah.

BAHAGIAN KOMUNIKASI DAN LOGISTIK

GERAKAN DAN LOGISTIK

- Bertanggungjawab menjadi pusat setempat untuk mendapatkan dan mengumpulkan maklum balas semua aduan yang diterima untuk siasatan atau tindakan dan melaporkan kepada yang berkenaan.
- Menguruskan aduan yang diterima sama ada melalui e-mel, surat, telefon atau datang sendiri.
- Menyediakan laporan aduan bagi mesyuarat peringkat Majlis/Jabatan/Bahagian/Seksyen.
- Menguruskan aduan yang diterima melalui talian 'hotline' selepas waktu pejabat dan hari cuti.

- Memaklumkan kepada jabatan/agensi luar untuk tindakan terhadap aduan yang diterima serta menyediakan maklumat awal siasatan aduan.
- Menyiasat aduan dan memberi bantuan sekiranya berlaku bencana alam seperti kebakaran, banjir, tanah runtuh, pokok tumbang dan lain-lain.
- Memantau dan menyelaras aduan yang diterima selari dengan ISO 9001:2008 bagi proses sokongan penyelesaian aduan dalam tempoh 48 jam.
- Membuat pemantauan 96 unit kamera CCTV yang terdapat di dalam kawasan Petaling Jaya.
- Melaporkan serta meneliti sebarang kejadian serta kesalahan yang berlaku di kawasan yang diawasi CCTV.
- Mengawasi tempat-tempat yang strategik di dalam sistem CCTV bagi mengesan sebarang kejadian yang melanggar undang-undang.
- Menyediakan laporan bulanan hasil pemantauan CCTV dari segi jenayah dan lain-lain kesalahan di bawah undang-undang Majlis.
- Membuat pemantauan CCTV dengan melaporkan sebarang aktiviti atau perkara yang bertentangan dengan undang-undang.
- Menguruskan hal ehwal pemandu Jabatan seperti menyediakan jadual bertugas harian dan lain-lain.
- Menguruskan hal ehwal kenderaan Jabatan sebanyak 126 buah kenderaan seperti lori, kereta, motosikal, lori tunda, *pick-up* dan lain-lain.
- Menguruskan hal ehwal penggunaan kenderaan Jabatan seperti kawalan program rasmi Majlis dan sebagainya.
- Menguruskan dan mengawal penggunaan alat komunikasi Jabatan.
- Menguruskan (one-stop centre) *walkie-talkie*, kamera dan *hand held* bagi melancarkan tugas-tugas penguatkuasaan.
- Memastikan kenderaan diselenggara dengan baik mengikut waktu yang ditetapkan.
- Menguruskan hal ehwal berkaitan pemandu seperti tuntutan perbatuan, Touch N Go dan sebagainya.
- Menjalankan tugas-tugas audit ke atas pemandu dan kenderaan secara berjadual dan terancang.
- Menyediakan laporan rasmi kepada pihak Jabatan melibatkan isu-isu pemandu, kenderaan, peralatan penguatkuasaan dan lain-lain. Membekalkan peralatan dan kenderaan secara rutin harian atau permintaan.



STOR

- Memastikan setiap urusan permohonan tuntutan dijalankan mengikut prosedur yang ditetapkan.
- Merekod dan menyimpan maklumat-maklumat tuntutan barang sitaan untuk rujukan pihak Jabatan.
- Merujuk kepada Unit Siasatan atau mana-mana pegawai bertugas sebelum barangan dibenarkan dilepaskan.
- Menyemak terlebih dahulu rekod barangan di Seksyen Stor sebelum permohonan diproses.
- Memaklumkan kepada Seksyen Stor bahawa kelulusan dan pembayaran telah selesai bagi tujuan pelepasan barangan.
- Menyediakan laporan sitaan barang-barang serta laporan pengeluaran dibuat setiap bulan.
- Memastikan semua penerimaan dan pengeluaran barang sitaan direkod dan diseliakan.
- Menguruskan pengeluaran barang sitaan kepada pemiliknya setelah dapat pengesahan.

BAHAGIAN LALULINTAS

TUNDA

- Mengambil tindakan tunda kenderaan di kawasan yang telah diwartakan sebagai Zon Tunda.
- Tindakan penguatkuasaan tunda diambil berdasarkan kepada peruntukan kuasa di bawah Perintah Lalulintas (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) Petaling Jaya (Pindaan 2010).
- Mengeluarkan tawaran kompaun kepada pesalah lalu lintas mengikut kadar yang ditetapkan oleh pihak Majlis.
- Memproses kutipan bayaran denda yang dikenakan kepada pesalah lalu lintas melibatkan pembayaran di lokasi kesalahan atau di mana-mana kaunter pejabat Majlis.
- Menguruskan pengurusan simpanan kenderaan yang tidak dituntut seperti kawalan keselamatan kenderaan di depoh, merekod kenderaan tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan, pelupusan kenderaan dan sebagainya.
- Mengambil tindakan pindah alih kenderaan bagi kesalahan kenderaan yang ditinggalkan dalam tempoh yang lama atau mana-mana kenderaan yang akan menyebabkan kacau ganggu kepada kawasan sekitar.
- Memberikan perkhidmatan nasihat kepada orang awam berkaitan undang-undang lalu lintas.
- Mengurus dan mengawal selia hal ehwal tindakan penguatkuasaan tunda berpandukan kepada Standard Operating Procedure (SOP).
- Menyediakan dan melapor tindakan yang telah diambil kepada pihak Jabatan dan Majlis.
- Menguruskan aduan-aduan berkaitan kesalahan lalu lintas terutamanya melibatkan jalan-jalan seliaan Majlis dalam tempoh 24 Jam.
- Menyediakan maklum balas-maklum balas berkaitan isu-isu tunda di kawasan Petaling Jaya.
- Berurusan dengan Pejabat Cawangan Tunda di PJU 8/2 dan PJU 5.

TRAFIK

- Mengambil tindakan penguatkuasaan lalu lintas di seluruh kawasan yang pentadbiran Majis melibatkan jalan-jalan awam.
- Tindakan penguatkuasaan lalu lintas diambil berdasarkan kepada peruntukan kuasa di bawah Perintah Lalulintas (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) Petaling Jaya (Pindaan 2010).
- Menguatkuasakan undang-undang bagi kesalahan-kesalahan melibatkan Tempat Letak Kereta Majlis.
- Mengeluarkan tawaran kompaun kepada pesalah lalu lintas mengikut kadar yang ditetapkan oleh pihak Majlis.
- Memberikan perkhidmatan nasihat dan kawalan keselamatan lalu lintas melibatkan program-program rasmi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Majlis dan mana-mana permohonan yang telah diluluskan.
- Melaksanakan rondaan berjadual di kawasan-kawasan jalan utama di sekitar Petaling Jaya.
- Menjalankan kerja-kerja pengiringan kepada tetamu kehormat melibatkan program-program rasmi.
- Melaporkan kesalahan di parkir melibatkan halangan kekal atau halangan sementara kepada unit yang berkaitan.
- Melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan luar seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan lain-lain.
- Mengurus dan mengawal selia hal ehwal tindakan penguatkuasaan lalulintas berpandukan kepada *Standard Operating Procedure* (SOP).
- Menyediakan dan melapor tindakan yang telah diambil kepada pihak Jabatan dan Majlis.
- Menguruskan aduan-aduan berkaitan kesalahan lalu lintas terutamanya melibatkan jalan-jalan seliaan Majlis dalam tempoh 24 jam.



STATISTIK PENGELUARAN KOMPAUN

- Graf dan jadual berikut adalah ringkasan tindakan penguatkuasaan mengikut jenis kesalahan tidak termasuk kesalahan lalulintas bermula dari 1 Januari sehingga Disember 2021.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN - KESALAHAN PELBAGAI



BULAN	AJPB 1974 (AKTA 133) Halangan	UKPKDPK (MBPJ) 2007-P.Kecantikan	UKP (MBPJ) 2007-Penjaja	UKPTPP (MBPJ) 2007-Tred	UKI (MBPJ) 2007-Iklan
JAN	205	0	295	97	81
FEB	219	2	497	169	133
MAC	280	16	450	247	209
APR	185	3	243	80	111
MEI	189	7	389	125	103
JUN	121	0	389	85	87
JUL	13	0	50	22	16
OGO	86	0	190	50	44
SEPT	107	0	244	191	128
OKT	168	12	404	170	153
NOV	227	2	251	231	323
DIS	186	1	255	120	120
JUMLAH	1,986	43	3,657	1,587	1,508

- Graf dan jadual berikut adalah ringkasan tindakan penguatkuasaan bagi semua jenis kesalahan lalulintas di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) MBPJ 2007 bermula dari 1 Januari sehingga Disember 2021.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN - KESALAHAN LALULINTAS



BULAN	PPJ (PTLK) MBPJ 2007 – Dalam Petak	PPJ (PTLK) MBPJ (PINDAAN) 2012 – Kapit Roda	PPJ (PTLK) MBPJ 2007 –Tunda	PPJ (PTLK) MBPJ 2007 - Lalulintas
JAN	10,325	218	-	14,937
FEB	41,185	506	-	24,875
MAC	35,531	630	-	31,802
APR	30,286	429	6	34,222
MEI	29,307	331	-	25,842
JUN	17,697	-	-	10,663
JUL	179	-	-	106
OGO	13,395	-	-	7,713
SEPT	25,157	-	-	11,415
OKT	33,189	-	-	25,463
NOV	38,427	-	-	30,479
DIS	28,920	-	-	21,029
JUMLAH	**303,598**	**2,114**	**6**	**238,546**

OPERASI TINDAKAN PENGUATKUASAAN – PUSAT HIBURAN

- Pihak Jabatan giat menjalankan operasi tindakan penguatkuasaan ke atas Pusat Hiburan yang tidak berlesen dan melanggar syarat lesen. Sepanjang tahun bermula dari bulan Januari sehingga Disember 2021 sebanyak 54 operasi serta serbuan telah dilakukan serta 23 kompaun dengan pelbagai kesalahan telah dikeluarkan ke atas pemilik / pengusaha premis.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN – PUSAT HIBURAN



	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
OPERASI	4	7	6	3	3	3	0	1	1	10	8	8
KOMPAUN	0	3	7	1	0	0	0	1	1	6	2	2

BULAN	OPERASI	KOMPAUN
JANUARI	4	-
FEBRUARI	7	3
MAC	6	7
APRIL	3	1
MEI	3	-
JUN	3	-
JULAI	-	-
OGOS	1	1
SEPTEMBER	1	1
OKTOBER	10	6
NOVEMBER	8	2
DISEMBER	8	2
KESELURUHAN	54	23

OPERASI TINDAKAN PENGUATKUASAAN – PUSAT SIBER KAFE

- Pihak jabatan sentiasa memantau dan menjalankan operasi serbuan ke atas pemilik Pusat Siber Kafe. Sebanyak tujuh (7) operasi serta serbuan telah dilakukan dan empat (4) kompaun pelbagai kesalahan telah dikeluarkan.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN – PUSAT SIBER KAFE



	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
BIL.OPS	1	4	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH KOMPAUN	0	2	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0

BULAN	OPERASI	KOMPAUN
JANUARI	1	-
FEBRUARI	4	2
MAC	-	2
APRIL	-	-
MEI	2	-
JUN	-	-
JULAI	-	-
OGOS	-	-
SEPTEMBER	-	-
OKTOBER	-	-
NOVEMBER	-	-
DISEMBER	-	-
KESELURUHAN	7	4

OPERASI TINDAKAN RUMAH URUT (PUSAT KESIHATAN)

- Sebanyak 50 operasi dan serbuan telah dilakukan dan 43 kompaun telah dikeluarkan dengan pelbagai kesalahan.

TINDAKAN RUMAH URUT (PUSAT KESIHATAN)



	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
BIL.OPS	0	3	13	4	11	2	0	0	0	8	8	1
JUMLAH KOMPAUN	0	2	16	3	7	0	0	0	0	12	2	1

BULAN	OPERASI	KOMPAUN
JANUARI	-	-
FEBRUARI	3	2
MAC	13	16
APRIL	4	3
MEI	11	7
JUN	2	-
JULAI	-	-
OGOS	-	-
SEPTEMBER	-	-
OKTOBER	8	12
NOVEMBER	8	2
DISEMBER	1	1
KESELURUHAN	50	43

PEMANTAUAN KE ATAS TAMAN-TAMAN MAJLIS (OPERASI TAMAN)

- Pihak Jabatan juga membuat pemantauan di taman-taman Majlis bagi memastikan pengunjung taman mematuhi Undang-undang Kecil Taman (MBPJ) 2007 semasa berada di taman-taman Majlis. Berikut merupakan statistik tindakan penguatkuasaan di taman-taman Majlis:

BIL.	JENIS TINDAKAN		JUMLAH
1	Kompaun	UKT (MBPJ) 2007	2,055
		UUK PPSS	105
JUMLAH KESELURUHAN			**2,160**

OPERASI TRED, HALANGAN DAN PENJAJA TANPA LESEN

- Berikut merupakan statistik bagi tahun 2021 untuk tindakan ke atas halangan di tempat awam dan juga penjaja tanpa lesen.

OPERASI TRED, HALANGAN DAN PENJAJA TANPA LESEN



OPERASI TERHADAP PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

- Pihak Majlis telah melaksanakan operasi bagi mencegah pembuangan sampah haram terutamanya di kawasan yang telah dizonkan sebagai kawasan bersih.
- Berikut adalah jumlah kompaun dari bulan Januari sehingga Disember 2021.

Bil.	BULAN	KOMPAUN
1.	JANUARI	22
2.	FEBRUARI	47
3.	MAC	73
4.	APRIL	89
5.	MEI	51
6.	JUN	33
7.	JULAI	-
8.	OGOS	11
9.	SEPTEMBER	26
10.	OKTOBER	24
11.	NOVEMBER	64
12.	DISEMBER	80
JUMLAH		590

JUMLAH KOMPAUN SAMPAH HARAM



KERETA BURUK

STATISTIK SITAAN DAN TUNTUTAN KERETA BURUK



	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
SITA	1	42	2	20	4	5	2	22	64	20	101	18
TUNTUTAN	0	10	1	2	1	0	1	1	8	1	3	0

BULAN	SITAAN	TUNTUTAN
JANUARI	1	0
FEBRUARI	42	10
MAC	2	1
APRIL	20	2
MEI	4	1
JUN	5	0
JULAI	2	1
OGOS	22	1
SEPTEMBER	64	8
OKTOBER	20	1
NOVEMBER	101	3
DISEMBER	18	0
JUMLAH	**301**	**28**

- Berikut merupakan jadual operasi dan statistik tindakan penguatkuasaan yang dijalankan bagi menangani permasalahan ini:

TAHUN	JUMLAH NOTIS DIKELUARKAN	KENDERAAN DIALIHKAN OLEH PEMILIK
2015	782	370
2016	2,148	910
2017	1,891	417
2018	822	1,175
2019	725	1,035
2020	1,225	828
2021	1,258	1,028
JUMLAH	8,851	5,763



JUMLAH NOTIS DIKELUARKAN	421	782	2,148	1,891	822	725	1,225	1258
KENDERAAN DIALIH	296	370	910	417	1,175	1,035	828	1,028

UNIT PANTAS

Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) Majlis Bandaraya Petaling Jaya dianggotai seramai 19 orang melibatkan seorang pegawai dan 16 anggota penguatkuasa serta 2 orang kakitangan jabatan lain.

Objektif penubuhan **PANTAS** adalah untuk memberi bantuan awal terhadap aduan kecemasan dan bencana mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Skop Penugasan **PANTAS** adalah merangkumi kejadian bencana banjir, banjir kilat, ribut, pokok tumbang dan kebakaran.

ALIRAN PERLAKSANAAN

- Dibahagikan kepada 4 kumpulan, setiap minggu seramai 4 orang anggota 'standby' secara 'on call'.
- Rondaan dan tinjauan sekiranya berlaku hujan berpanjangan atau selepas kejadian ribut.
- Pemantauan dijalankan di lokasi-lokasi berisiko terutama yang melibatkan cerun/tebing sungai yang berisiko tanah runtuh.
- Bergerak ke lokasi aduan mengikut tempoh masa (response time) yang ditetapkan iaitu 45 minit selepas menerima aduan.

Berikut merupakan statistik kejadian bencana alam di sekitar Petaling Jaya:

BULAN	KEJADIAN BENCANA ALAM				JUMLAH KESELURUHAN
	BANJIR	RIBUT/ POKOK TUMBANG	TANAH RUNTUH	LAIN-LAIN	
JAN	-	3	1	-	4
FEB	-	12	-	1	13
MAC	4	29	-	4	37
APR	-	23	1	2	26
MEI	-	21	-	1	22
JUN	-	1	-	2	3
JUL	-	2	-	-	2
OGO	-	4	-	2	6
SEPT	2	4	1	-	7
OKT	-	2	1	-	3
NOV	-	6	-	-	6
DIS	3	30	9	-	42
JUMLAH KESELURUHAN	9	137	13	12	171

2021



PROGRAM PASUKAN KESELAMATAN KEJIRANAN PETALING JAYA (PKKPJ)

- Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) telah dilancarkan pada 28 Julai 2011. Ini bertujuan untuk menggalakkan penubuhan dan mengaktifkan sukarelawan "Community Policing" keselamatan kejiranan kawasan setempat di samping meningkatkan "Corporate Social Responsibility" dan kerjasama serta hubungan baik antara penduduk dan Majlis.
- Pada tahun 2016, pihak Majlis telah melancarkan Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya sebagai kesinambungan kepada program "PJ Safety for All". Bagi memperkasakan program PKKPJ, pihak Majlis telah menambah peruntukan bantuan dana sebanyak RM1,000.00 menjadikan jumlah keseluruhan RM6,000.00 bagi setiap RA, RT dan JMB yang memenuhi syarat kelayakan.
- Walau bagaimanapun pada tahun 2021, peruntukan bantuan telah dikurangkan kepada RM1,000.00 lantaran pandemik COVID-19 di mana RA, RT dan JMB tidak dapat menjalankan program / aktiviti keselamatan yang terbatas dengan SOP.
- Program dan aktiviti yang dilaksanakan diperingkat RA, RT dan JMB adalah dengan sokongan dan penglibatan Ahli Majlis kawasan, pihak Polis Diraja Malaysia dan lain-lain agensi penguatkuasaan.

STATISTIK PERMOHONAN PKKPJ



	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
RA	43	48	60	37	37	64	88	102	105	88	69
RT	22	24	25	22	22	33	34	43	40	29	21
JMB	0	0	0	6	6	14	18	25	29	24	21
TOLAK	1	0	0	0	3	1	0	1	5	12	0


SMARTCENTRE



10

JABATAN LANDSKAP



4 HALA TUJU JABATAN LANDSKAP



MAMPAN

Merancang dan membangunkan landskap perbandaran yang berkarektor, harmoni dan mampan.



BERDAYA TAHAN

- Memperkasa sistem pengurusan penyelenggaraan landskap yang terbaik.
- Memperkasakan sistem pemantauan kerja-kerja penyelanggaraan landskap teknologi 'cloud based'.
- Melaksanakan pengurusan aset dan risiko pokok yang cekap dan selamat.



SEJAHTERA

- Meningkatkan program pembudayaan landskap bersama komuniti.
- Memantapkan pengurusan projek penswastaan yang berkesan.



HIJAU

- Menerapkan konsep bandar rendah karbon di dalam merancang pembangunan landskap.
- Mempergiatkan program penanaman pokok teduhan.

FUNGSI JABATAN LANDSKAP

BAHAGIAN PENTADBIRAN

- Mengurus dan mengelola hal ehwal pentadbiran
- Mengurus dan merekod surat/dokumen /fail Jabatan
- Mengurus peruntukan dan perbelanjaan Jabatan

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN KAWALAN

- Menguatkuasakan Dasar Landskap Negara, Akta 172
- Menggubal dasar dan garis panduan berkaitan landskap
- Mengurus data, inventori dan audit landskap Jabatan

BAHAGIAN PENGHIJAUAN BANDAR

- Mengurus program penyelenggaraan kawasan landskap
- Memantau prestasi penyelenggaraan landskap oleh kontraktor
- Mengambil tindakan terhadap aduan awam

BAHAGIAN KEMUDAHAN AWAM

- Mengurus pembangunan dan pengindahan landskap
- Mengurus program pembangunan kawasan lapang
- Mengurus penyelenggaraan kemudahan awam

BAHAGIAN TAMAN AWAM

- Mengurus program penyelenggaraan taman awam
- Merancang program pembangunan dan pengindahan taman
- Merancang dan menyelaras aktiviti rakan taman

PENCAPAIAN PERBELANJAAN DAN HASIL JABATAN LANDSKAP



PERMOHONAN KELULUSAN

BULAN	KELULUSAN PELAN LANDSKAP			PENYERAHAN TAPAK			SOKONGAN CCC DARI JABATAN			PERMOHONAN PENEBANGAN POKOK		
	Terima	Lulus	Tangguh	Terima	Lulus	Tangguh	Terima	Lulus	Tangguh	Terima	Lulus	Tangguh
JANUARI	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
FEBRUARI	3	3	-	-	-	-	3	-	3	-	-	-
MAC	2	-	2	1	-	1	5	4	1	1	1	-
APRIL	3	3	-	-	-	-	2	2	-	3	3	-
MEI	6	4	2	-	-	-	2	2	-	1	1	-
JUN	1	1	-	-	-	-	-	-	-	1	1	-
JULAI	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
OGOS	-	-	-	-	-	-	1	-	1	-	-	-
SEPTEMBER	3	1	2	-	-	-	1	-	1	-	-	-
OKTOBER	2	2	-	1	-	1	1	1	-	1	1	-
NOVEMBER	1	1	-	1	-	1	-	-	-	1	1	-
DISEMBER	1	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
KESELURUHAN	22	16	6	3	0	3	15	9	6	8	8	0


Kelulusan Pelan Landskap
46%
Permohonan Penebangan Pokok
17%
Penyerahan Tapak
6%
Sokongan CCC
31%
Penebangan Pokok Tanpa Kebenaran
0%


JUMLAH PERMOHONAN (NOS.)
25
20
15
10
5
0
22
16
3
3
3
0
3
0
15
9
6
0
8
8
0
0
0
0
0
0
Terima
Lulus
Tangguh
Tolak
Kelulusan Pelan Landskap
Permohonan Penebangan Pokok
Penyerahan Tapak
Penebangan Pokok Tanpa Kebenaran
Sokongan CCC



LAPORAN
PENANAMAN POKOK

BULAN	POKOK UTAMA	BUNGA RAYA	POKOK LAIN	2021	2020
JANUARI	665	421	34,041	35,127	34,720
FEBRUARI	195	50	0	245	1,526
MAC	59	121	2,729	2,909	2,098
APRIL	194	100	4,144	4,438	0
MEI	152	930	22,863	23,945	0
JUN	0	0	0	0	8,088
JULAI	-	-	-	-	7,472
OGOS	216	1,423	25,891	27,530	0
SEPTEMBER	52	200	5,640	5,892	2,035
OKTOBER	204	330	3,977	4,511	4,206
NOVEMBER	83	150	200	433	9,323
DISEMBER	-	-	-	-	180
KESELURUHAN	**1,820**	**3,725**	**99,485**	**105,030**	**69,648**



PROGRAM
PEMBUDAYAAN LANDSKAP

BULAN	KLA	KEBUN KITA	AKTIVITI KOMUNITI	RAKAN TAMAN	2021	2020
JANUARI	0	1	0	0	1	1
FEBRUARI	0	0	0	0	0	1
MAC	0	0	0	0	0	0
APRIL	0	0	1	0	1	0
MEI	0	0	0	0	0	1
JUN	0	0	0	0	0	0
JULAI	0	1	0	0	1	2
OGOS	0	0	0	0	0	1
SEPTEMBER	0	0	0	0	0	2
OKTOBER	0	1	0	0	1	0
NOVEMBER	0	0	1	0	1	1
DISEMBER	0	0	0	0	0	0
KESELURUHAN	0	3	2	0	5	9

LAPORAN BERGAMBAR
PROGRAM PEMBUDAYAAN LANDSKAP













AKTIVITI
TAPAK SEMAIAN

BULAN	TS KELANA JAYA	TS JALAN PENCHALA	2021	2020
JANUARI	1,080	570	1,650	2,350
FEBRUARI	1,050	580	1,630	2,420
MAC	1,020	420	1,440	355
APRIL	1,120	420	1,540	0
MEI	1,000	420	1,420	0
JUN	520	420	940	1,080
JULAI	500	420	920	1,660
OGOS	650	420	1,070	2,200
SEPTEMBER	1,410	420	1,830	1,084
OKTOBER	1,070	420	1,490	1,810
NOVEMBER	1,050	420	1,470	1,780
DISEMBER	880	420	1,300	1,750
KESELURUHAN	**11,350**	**5,350**	**16,700**	**16,489**



AKTIVITI
HIASAN

BULAN	PERCUMA	BERBAYAR	AHLI MAJLIS	2021	2020
JANUARI	0	0	0	0	17
FEBRUARI	0	0	0	0	14
MAC	5	0	0	5	0
APRIL	10	0	0	10	0
MEI	10	0	0	10	0
JUN	0	0	0	0	2
JULAI	0	0	0	0	0
OGOS	3	0	0	3	9
SEPTEMBER	5	0	0	5	13
OKTOBER	8	2	0	10	6
NOVEMBER	9	3	0	12	2
DISEMBER	9	2	0	11	0
KESELURUHAN	**59**	**7**	**0**	**66**	**59**

LAPORAN ADUAN

KATEGORI ADUAN	2021	2020
CANTAS/TEBANG POKOK	1,348	1,204
PADANG/TAMAN	258	204
HIASAN	44	68
POKOK LIAR	153	135
POKOK MATI	130	112
POKOK TUMBANG	305	196
SAMPAH CANTASAN	123	103
JUMLAH KESELURUHAN	**2,361**	**2,022**

LAPORAN PEMBANGUNAN

BIL.	TAJUK KERJA	BAJET	TARIKH SIAP
1	Menaik Taraf Kolam Tadahan Dan Menaik taraf Kawasan Lapang Di Flat Taman Medan Cahaya PJS 2 (SPNB) Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya	RM 741,697.05	8 MAC 2021
2	Menaik Taraf Laluan Pejalan Kaki Bagi Padang Astaka Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya	RM 173,421.20	26 FEBRUARI 2021
3	Cadangan Menaik Taraf Kawasan Lapang Di Lorong 8/12 Seksyen 8 Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya	RM 214,167.00	8 OGOS 2021
4	Cadangan Menaik Taraf Kawasan Lapang Di Lorong 8/12 Seksyen 8 Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya	RM 214,167.00	8 OGOS 2021
5	Cadangan Menaik Taraf Gelanggang Futsal Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan SS 9/2 Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (Tawaran Semula)	RM 195,750.00	17 SEPTEMBER 2021
6	Cadangan Menaik taraf Kawasan Lapang Di Jalan PJS 10/7A Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya	RM 175,253.00	1 SEPTEMBER 2021
7	Cadangan Menaik Taraf Kawasan Lapang Di PJS 1/47 Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya	RM 259,548.00	7 JANUARI 2022
8	Cadangan Menaik taraf Kawasan Lapang Di PJS 1/47 Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya	RM 259,548.00	7 JANUARI 2022
9	Menaik Taraf Kawasan Lapang Di Jalan SD 3/7 Bandar Sri Damansara Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya	RM 212,220.00	
10	Cadangan Menaik Taraf Gelanggang Bola Keranjang & Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan BU 2/6 Petaling Jaya Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya	RM 132,000.00	18 JANUARI 2022
11	Cadangan Menaik Taraf Kawasan Lapang Di SS 21/50, Petaling Jaya Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya	RM 298,772.00	








LAPORAN PENYELENGGARAAN POKOK

PANGKASAN



POKOK TUMBANG DAN TEBANG



PENYELENGGARAAN POKOK TAMAN

PANGKASAN





11

JABATAN PELESENAN



JABATAN PELESENAN, PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN USAHAWAN

Jabatan Pelesenan Pembangunan Perniagaan dan Usahawan adalah jabatan yang bertanggungjawab di dalam memastikan proses permohonan baru lesen, pembaharuan lesen, pembatalan lesen, semakan secara bersepadu bersama Jabatan Teknikal dan Agensi luar. Antara kategori lesen yang terlibat adalah seperti berikut :

- Lesen Tred dan Perniagaan
- Lesen Kritikal
- Lesen Berisiko
- Lesen Hiburan
- Lesen Iklan Luaran / Sementara
- Permit Sementara Tred
- Lesen Gerai
- Lesen Pasar Malam
- Lesen Pasar
- Permit *Smart* Trak
- Permit Perayaan
- Permit Sementara Usahawan Mikro

Di dalam rekod Jabatan, sebanyak 27,493 pemegang lesen tred dan perniagaan manakala sebanyak 5,534 pemegang lesen Usahawan Mikro. Setiap pemegang lesen di Petaling Jaya adalah tertakluk dengan setiap arahan dan peraturan yang telah ditetapkan di dalam Akta 171 dan juga Undang-Undang Kecil Pelesenan MBPJ 2007 di dalam memastikan kawalan dan juga menjaga keselamatan setiap pemegang taruh di Petaling Jaya.

Selain itu, peranan Jabatan Pelesenan Pembangunan Perniagaan dan Usahawan adalah memastikan ekonomi di dalam Petaling Jaya terus mampan dan maju dengan cara perlu memastikan peningkatan hasil bukan cukai diperkukuhkan dari semasa ke semasa. Di bawah *Sustainable Development Goals* (SDG) matlamat yang kelapan, iaitu "Decent work and economic growth" membawa kepada pengukuhan ekonomi usahawan dan ekonomi organisasi akan menyumbang kepada pembangunan yang mampan.

FUNGSI-FUNGSI

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN *SMART* LESEN

Bertanggungjawab untuk memastikan kelancaran pengurusan pentadbiran di Jabatan Pelesenan Pembangunan Perniagaan dan Usahawan. Bahagian ini bertanggungjawab untuk memastikan pencarian hasil lesen yang baru. Tambahan lagi, bahagian ini juga bertanggungjawab di dalam memastikan kelancaran penggunaan sistem eLesen bagi kemudahan orang awam di dalam penyampaian perkhidmatan pelesenan secara dalam talian (Online)

BAHAGIAN PERNIAGAAN DAN PEMBANGUNAN

Bertanggungjawab menguruskan permohonan, memproses dan memperbaharui lesen perniagaan seperti Lesen Serta Merta, Lesen Iklan, Lesen Hiburan, Lesen Anjing, Lesen Berisiko, Permit Sementara Tred dan juga Lesen Kritikal. Bahagian Tred juga bertanggungjawab untuk mengutip kutipan hasil bukan cukai sebanyak RM 27 juta.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Bertanggungjawab menguruskan permohonan, memproses, memperbaharui, menyusun, menempatkan dan memindahkan peniaga yang memegang lesen seperti Lesen Gerai, Lesen Pasar (Malam, Pagi, Tani) dan permit sementara (perayaan, sementara bermasa, buah bermusim dan insitu). Bahagian Usahawan Mikro juga bertanggungjawab untuk mengutip hasil lesen usahawan mikro sebanyak RM 5 juta (RM 2 juta merupakan pengecualian oleh kerajaan negeri dan RM 3 juta adalah sewaan)

LAPORAN KUTIPAN HASIL

TAHUN 2021

SASARAN HASIL 2021	SASARAN HASIL 2021 (SELEPAS SEMAKAN SEMULA)	PRESTASI KUTIPAN (DISEMBER 2021)	PERATUS PENCAPAIAN
RM30,033,700	RM25,461,940	RM25,991,656	102%

TRED
RM24,732,934

PENJAJA
RM3,131,130

HASIL BARU
RM2,169,636

PENGURANGAN HASIL PASCA PKP	
PENGECUALIAN SEWAAN GERAI	RM234,080
PENGECUALIAN SEWAAN PASAR	RM894,280
PENGECUALIAN BAYARAN LESEN HIBURAN	RM744,979
PENGECUALIAN BAYARAN LESEN PUSAT KESIHATAN	RM440,025
PENGECUALIAN BAYARAN LESEN HOTEL	RM56,490
PENGECUALIAN BAYARAN LESEN PUSAT SIBER	RM4,790
AKTIVITI PROMOSI, EXPO, PERMIT KERUSI MEJA DAN LAIN-LAIN AKTIVITI MELIBATKAN PERMIT SEMENTARA	RM409,900
AKTIVITI -AKTIVITI BARU YANG TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN AKIBAT PKP	RM2,308,700
ANGGARAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN YANG TIDAK BEROPERASI	RM101,516
JUMLAH	RM4,551,760.00

PERBANDINGAN PILIHAN KAEDAH BAYARAN TAHUN 2021 DAN 2022

KAEDAH BAYARAN	BIL	2021 (RM)	BIL	2020 (RM)
Kaunter	12,948	14,464,014	11,499	24,684,270
Atas Talian	18,636	10,757,615	9,127	4,269,338
Kiosk	970	730,027	0	-
JUMLAH	52,552	25,991,656	50,626	28,953,708



PENCAPAIAN HASIL PELESENAN



PENCAPAIAN 2010-2021

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN	PERBEZAAN PENINGKATAN/ PENURUNAN HASIL	% PENINGKATAN HASIL VS 2010
2010	18,297,716	-	-
2011	20,656,312	2,358,596	112%
2012	20,258,194	1,960,478	111%
2013	21,712,904	3,415,188	119%
2014	22,108,728	3,811,012	121%
2015	21,854,576	3,556,860	119%
2016	28,951,178	10,653,462	158%
2017	27,743,527	9,445,811	152%
2018	29,835,397	11,537681	163%
2019	31,068,321	12,770,605	170%
2020	28,953,708	10,655,992	158%
2021	25,991,656	7,693,940	142%
JUMLAH KESELURUHAN		77,859,625	

PENCAPAIAN HASIL PELESENAN BAGI TAHUN 2010-2021



Tahun 2010 (Baseline) Sehingga 2021, Jumlah Terkumpul (*Cumulative*) Bagi Kutipan Hasil Lesen Adalah Sebanyak

RM 77,859,625

PEMBATALAN LESEN TAHUN 2021



1. TRED
2,976, RM 1,328,891
2. IKLAN
61, RM 24,441
3. HIBURAN
32, RM 221,875
4. ANJING
22, RM 300
5. USAHAWAN MIKRO
310, RM 26,252

AKTIVITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN TAHUN 2021

PEMANTAUAN BDR SEMASA TEMPOH PKP MELALUI GOOGLE SHEET





PENYEDIAAN *DASHBOARD* JABATAN PELESENAN

BENGKEL PEMBACAAN JURNAL DAN PENYEDIAAN *SLIDE PREZI*





PENAMBAHBAIKAN APLIKASI BAZAR@ *PJKITA*

MEWUJUDKAN PELAN STRATEGIK JABATAN PELESENAN







KEMPEN JOM BAYAR LESEN

PENYEDIAAN PLATFORM BARU SEPERTI *WHATSAPP/ TELEGRAM* UNTUK MEMBANTU PEMBAHARUAN LESEN





PROGRAM KEUSAHAWANAN JOM DIGITALKAN PERNIAGAAN ANDA





BILIK GERAKAN SCOR (SMART COVID-19 OPERATIONAL ROOM)



OPERASI BERSEPADU BERSAMA AGENSI LUAR





KURSUS BAZAR RAMADHAN SECARA DALAM TALIAN (*ONLINE*)





PEMBERIAN PERMIT PKP/ PKPD/ PPN





MENGADAKAN SIARAYA PASAR MALAM SEPANJANG TEMPOH PKP





MENGADAKAN SESI TEMUDUGA/ CABUT UNDI GERAI DALAM TALIAN (*ONLINE*)



BIL	ZON	LOKASI	2021	2020	2019	2018	2017	2016	2015	2014	2013	2012	2011	2010	2009	2008	2007	2006	2005	2004	2003 KE BAWAH
1	24	GERAI SELERA LINDUNGAN PJS 6	1	4	4	5	4	1	0	1	1	1	2	1	2	2	0	0	3	3	12
2	17	GERAI SELERA TAMAN SRI MANJA	0	0	0	1	3	1	0	3	3	3	0	1	3	0	0	0	3	3	2
3	6	GERAI ATRIA DAMANSARA JAYA SS 22	0	3	24	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
4	17	GERAI ANEKA SELERA PJS 2C	0	1	7	5	0	5	1	1	1	0	2	2	3	2	3	0	2	11	5
5	20	GERAI SELERA SUKOM SS 3/39	0	5	4	5	0	0	2	0	0	0	2	1	3	0	1	0	0	1	7
6	15	GERAI TAMAN SELERA JALAN OTHMAN	4	2	7	5	3	0	0	0	0	0	3	1	2	0	1	0	1	1	15
7	9	GERAI DAMANSARA KIM SS 20/10	0	6	6	5	3	1	1	1	2	1	2	1	4	1	2	0	2	3	17
8	2	GERAI PELANGI DAMANSARA	0	1	0	1	0	1	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	3	0	0
9	2	GERAI MEDAN SELERA MUTIARA DAMANSARA	3	1	0	1	0	0	1	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0
10	3	GERAI SELERA IMPIAN SEK. 7, KOTA DAMANSARA	0	1	0	3	0	1	0	0	0	0	0	1	2	0	0	0	0	0	0
11	1	GERAI SUK SRI CEMARA JALAN SD 1/7	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	4	0	0	0	0	0	0
12	2	GERAI KG. SG. KAYU ARA	2	0	1	0	0	0	0	1	0	0	2	0	1	0	0	1	1	0	0
13	17	GERAI SUK PJS 2C/12, TAMAN MEDAN CAHAYA	0	1	1	0	3	0	1	0	0	0	1	3	3	0	0	0	0	0	0
14	14	GERAI SELERA JAYA JALAN 223	1	10	2	1	1	0	2	2	0	0	1	0	1	1	0	0	0	0	15
15	24	GERAI PARLIM PJS 10/32	0	1	1	1	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1	2	0	3
16	9	GERAI BUAH-BUAHAN DE TROPIKA SEK. 19, JALAN HARAPAN	1	4	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
17	18	GERAI MEDAN SELERA JALAN 12, TAMAN DATO HARUN	0	1	2	1	2	0	0	0	0	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
18	15	GERAI STESEN BAS JALAN OTHMAN	1	0	4	11	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	15	GERAI SELERA JATI JALAN 1/12	2	4	2	1	1	1	0	0	0	0	0	0	4	0	0	0	0	0	4
20	3	GERAI NEXIS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	24	GERAI D'SELERA LINDUNGAN JALAN PJS 8/10	1	24	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	10	PUSAT PENJAJA SEKSYEN 17/1A	1	3	0	0	2	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1	2	0	7
23	20	PUSAT PENJAJA SELERA WAWASAN SS 3/33	0	1	3	3	1	0	0	1	1	0	1	0	0	1	0	0	0	0	0
24	24	PUSAT PENJAJA TAMAN DATO HORMAT PJS 10/11	0	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
25	14	PUSAT PENJAJA SEKSYEN 8, (PD PETALING JAYA)	1	0	4	1	3	0	0	0	0	1	0	0	1	1	1	0	0	0	11
26	13	KOMPLEKS EMPORIUM MAKAN SEK. 52	0	1	3	3	11	0	3	0	1	3	0	4	2	1	0	3	0	0	3
27	14	PETAK JALAN 51A/223	0	0	4	0	0	1	0	1	1	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
28	14	PETAK JALAN 51A/227	0	1	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0

MENYEDIAKAN REKOD USAHAWAN SECARA DALAM TALIAN MELALUI *GOOGLE SHEET*



MENYEDIAKAN REKOD USAHAWAN MENGIKUT TEMPOH DAN DEMOGRAFIK BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN DI PETALING JAYA



PELAKSANAAN PEMBUKAAN SEMULA PASAR MALAM/ PASAR PAGI MENGIKUT NORMA BARU

PENYELARASAN PENGECUALIAN BAYARAN SEWAAN BAGI BULAN JUN DAN JULAI UNTUK GERAI/ PASAR PAGI

Bil	Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN)			
	Kategori Lesen			
	Tarikh Berkuatkuasa	Gerai/ Botak/ Kiosk/ Kompleks	Pasar Malam	Pasar Pagi
1	Berkuatkuasa 5 Julai 2021	Dibenarkan beroperasi dan terhad kepada penjualan barangan keperluan asas sahaja diantara jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam.	Tidak dibenarkan beroperasi	Dibenarkan beroperasi dan terhad kepada penjualan barangan keperluan asas sahaja seperti makanan, sayur sayuran, daging dan lain-lain.
2	1 – 28 Jun 2021	Dibenarkan beroperasi dan terhad kepada penjualan barangan keperluan asas sahaja diantara jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam.	Tidak dibenarkan beroperasi	Dibenarkan beroperasi dan terhad kepada penjualan barangan keperluan asas sahaja seperti makanan, sayur-sayuran, daging dan lain-lain.
3	25 Mei – 31 Mei 2021	Dibenarkan beroperasi dan terhad kepada penjualan barangan keperluan asas	Operasi pasar malam dibenarkan Waktu operasi dari jam 4.00 petang hingga	Dibenarkan operasi dari jam 6.00 pagi hingga 2.00 petang tertakluk kepada PB



PEMBAHARUAN LESEN USAHAWAN MIKRO SECARA TEMU JANJI





PENYUSUNAN SEMULA PENIAGA TANPA LESEN (PTL) DI 8 LOKASI

STRATEGI SASARAN KERJA TAHUNAN 2022

INPUT	PROSES	OUTPUT	KUANTITI
Inventori iklan bagi aktiviti seperti berikut: • Visual di lebuhraya persekutu dan jalan-jalan sekitar Petaling Jaya. • Iklan tambahan di lot komersial. • Iklan di pusat beli belah.	• Semakan secara berjadual setiap bulan mengikut kumpulan yang telah ditetapkan. • Pengeluaran notis pemberitahu untuk membuat permohonan lesen.	• Melesenkan iklan disekitar Petaling Jaya. • Meningkatkan kutipan hasil Majlis.	• **Pusat Beli Belah** » **One Utama** – 214 premis x RM 250 = RM 53,500 » **Paradigm** - go premis x RM 250 = RM 22,500 » **Atria** – 117 premis x RM 250 = RM 29,250 » **Jaya Shopping Mall** – 120 premis x RM 250 = RM 30,000 » **3 Damansara** – 200 premis x RM 250 = RM 50,000 » **Citta Mall** – 130 premis x RM 250 = RM 32,500 • **Kawasan Komersial** » **PICC** - Anggaran 50 premis x RM 250 = RM 12,500 » **The Strand** – Anggaran 100 premis x RM 250 = RM 25,000 » **Damansara Uptown** – Anggaran 100 premis x RM 250 = RM 25,000 » **Sekitar SS2** – Anggaran 200 premis x RM 250 = RM 50,000 » **The Core, Jalan Teknologi** – Anggaran 50 premis x RM 250 = RM 12,500 » **PJS 8, Sunway Mentari** – Anggaran 50 premis x RM 250 = RM 12,500

THEMATIC EKONOMI

MATLAMAT 3.1 ECONOMICAL VIBRANT CITY

Menguruskan Ekonomi Bandar Ke Arah 'Vibrant City'.

INVENTORI IKLAN

- Inventori semula iklan visual di sepanjang Lebuhraya Persekutuan dan jalan-jalan sekitar Petaling Jaya.
- Inventori semula iklan di pusat beli belah.

JUMLAH KUTIPAN

RM 217,750
(Iklan Pusat Beli Belah)

RM 112,500
(Iklan Tambahan Pusat Komersial)

HASIL BARU TAHUNAN 2022



HASIL KUTIPAN LESEN BAGI AKTIVITI BARU TAHUN 2022

INPUT	PROSES	OUTPUT	KUANTITI
Data peniaga tanpa lesen (PTL) di sekitar Petaling Jaya • Zon PJS • Zon PJU	• Bancian. • Analisa data bancian. • Sediakan tapak. • Sesi penyusunan. • Cabutan undi surat tawaran.	Insentif kepada tanpa peniaga lesen (PTL) untuk menjalankan perniagaan secara sah di kawasan Petaling Jaya.	Anggaran 200 peniaga **RM 40 × 200 peniaga** **RM 8,000**

THEMATIC EKONOMI

MATLAMAT 3.1 ECONOMICAL VIBRANT CITY

Matlamat 3.2: Pembangunan Usahawan

PERMIT SEMENTARA USAHAWAN MIKRO

- Penambahan tapak dan bilangan peniaga bagi Permit Sementara di kawasan Petaling Jaya

JUMLAH KUTIPAN
RM 8,000

INPUT	PROSES	OUTPUT	KUANTITI
Berdasarkan jumlah PTL dilapangan	• Bancian. • Mengisi borang maklumat bancian. • Kelulusan serta merta di lapangan. • Bayaran lesen. • Serahan lesen di kaunter.	• Melesenkan peniaga yang tidak berlesen bagi tujuan kawalan. • Membantu menjana pendapatan penduduk Petaling Jaya.	2,000 petak **RM 3.00 × 30 hari x 2,000 petak** **RM 180,000**

THEMATIC EKONOMI

MATLAMAT 3.1 ECONOMICAL VIBRANT CITY

Menguruskan Ekonomi Bandar Ke Arah 'Vibrant City'.

PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN PERMIT KERUSI MEJA

- Pemberian permit kerusi meja di sekitar kawasan Petaling Jaya berdasarkan kepada garis panduan yang telah ditambah baik

JUMLAH KUTIPAN
RM 180,000

INPUT	PROSES	OUTPUT	KUANTITI
Data pendaftaran peniaga yang menjalankan perniagaan secara dalam talian (online) berdasarkan data inventori.	• Membuat hebahan kepada orang ramai mengenal permohonan bagi perniagaan dalam secara talian (online). • Penghantaran notis pemberitahuan kepada perniagaan secara talian yang dalam (online) telah diinventori.	• Melesenkan aktiviti perniagaan secara dalam talian bagi tujuan kawalan. • Membantu menjana pendapatan penduduk Petaling Jaya.	9,701 peniaga X RM 10.00 (caj pentadbiran) **RM 97,010**

THEMATIC KOMUNITI MAMPAN

MATLAMAT 4.1 SOCIETY 5.0 CITY

Melaksanakan Program Dan Projek Ke Arah Society 5.0

MELESENKAN PERNIAGAAN SECARA DALAM TALIAN (*ONLINE*)

- Melesenkan perniagaan secara dalam talian (online) berdasarkan kepada arahan Kerajaan Negeri Selangor yang meluluskan perniagaan secara dalam talian (online) untuk dilesenkan berkuatkuasa pada 1 Januari 2022

JUMLAH KUTIPAN
RM 97,010

INPUT	PROSES	OUTPUT	KUANTITI
Data pemegang lesen bagi lesen sementara melalui sistem e-Lesen	• Pemberitahuan kepada pemegang lesen melalui sistem e-Lesen. • Pengeposan pelekat kepada setiap pemegang lesen.	• Aktiviti perniagaan dapat dikawal oleh semua pihak berkepentingan	2700 premis x RM 25.00 **RM 67,500**

EKONOMI

MATLAMAT 3.1 ECONOMICAL VIBRANT CITY

Menguruskan Ekonomi Bandar Ke Arah 'Vibrant City'

MATLAMAT 3.2 PEMBANGUNAN USAHAWAN

Menyediakan Dasar Dan Melaksanakan Program Pembangunan Usahawan

JUMLAH KUTIPAN
RM 67,500

PELAKSANAAN PELEKAT PREMIS BAGI LESEN SEMENTARA

- Pengeluaran pelekat premis kepada pemegang lesen sementara bagi tujuan kawalan dan semakan oleh Majlis dan juga *stakeholder*.

PROGRAM – PROGRAM TAHUNAN 2022

INPUT	PROSES	OUTPUT	KUANTITI
Data pemegang lesen Usahawan Mikro (Pasar Pagi, Pasar Malam, Permit Sementara, Gerai, Pasar Awam).	• Inventori peniaga di lapangan. • Penyediaan tempat secara insitu. • Pemberian permit secara insitu. • Pembangunan tapak • usahawan yang baru.	Infrastruktur yang lebih menarik dan berkualiti.	

THEMATIC EKONOMI

MATLAMAT 3.2 PEMBANGUNAN USAHAWAN

Menyediakan Dasar Dan Melaksanakan Program Pembangunan Usahawan

MENAMBAHBAIK INFRASTRUKTUR GERAI

- Menambahbaik infrastruktur gerai untuk memastikan kemudahan yang lebih selesa untuk Usahawan Mikro

INPUT	PROSES	OUTPUT	KUANTITI
Data pemegang lesen Usahawan Mikro (Pasar Pagi, Pasar Malam, Permit Sementara, Gerai, Pasar Awam).	• Menyediakan kelas bimbingan. • Menyediakan sesi taklimat kepada Usahawan Mikro.	Usahawan Mikro yang lebih berpendidikan dan berpengalaman di dalam menjalankan perniagaan.	

THEMATIC EKONOMI

MATLAMAT 3.2 PEMBANGUNAN USAHAWAN

Menyediakan Dasar Dan Melaksanakan Program Pembangunan Usahawan.

MEMBANGUNKAN MODAL INSAN USAHAWAN

- Memberi bimbingan, latihan dan panduan kepada Usahawan Mikro di dalam memastikan pembangunan perniagaan dari semasa ke semasa.

INPUT	PROSES	OUTPUT	KUANTITI
Data pemegang lesen Usahawan Mikro (Pasar Pagi, Pasar Malam, Permit Sementara, Gerai, Pasar Awam)	• Adakan kelas bimbingan. • Menyediakan sesi taklimat kepada Usahawan Mikro.	• Meningkatkan ilmu dan pengetahuan dari segi pendigitalan • Meningkatkan ilmu mengenal penggunaan e-walet. • Memastikan kaedah pemasaran secara media sosial dilaksanakan	

THEMATIC EKONOMI

MATLAMAT 3.2 PEMBANGUNAN USAHAWAN

Menyediakan Dasar Dan Melaksanakan Program Pembangunan Usahawan

MEMPERKUKUH EKONOMI USAHAWAN

- Memberi latihan dan tunjuk ajar di dalam pengurusan dan perbelanjaan Usahawan Mikro di dalam skop perniagaan

INPUT	PROSES	OUTPUT	KUANTITI
Berdasarkan permohonan yang diterima	• Hebahan secara dalam talian menggunakan laman web MBPJ, sosial media dan di LED. • Permohonan di buka dalam secara talian (online) • Pelancaran bagi aktiviti Bazaria MBPJ	Membantu menjana pendapatan penduduk di Petaling Jaya	294 petak **RM 385.00 × 294** **RM 113,190**

EKONOMI

MATLAMAT 3.1 ECONOMICAL VIBRANT CITY

Menguruskan Ekonomi Bandar Ke Arah 'Vibrant City'

BAZARIA MBPJ

- Mewujudkan Bazaria di Stadium Kelana Jaya semasa musim perayaan Hari Raya Aidilfitri

JUMLAH KUTIPAN
RM 113,190

INPUT	PROSES	OUTPUT	KUANTITI
Berdasarkan permohonan yang diterima	• Hebahan secara dalam talian menggunakan laman web MBPJ, sosial media dan di LED. • Permohonan di buka dalam secara talian (online) • Pelancaran bagi aktiviti Laman Boulevard MBPJ	Membantu menjana pendapatan penduduk di Petaling Jaya	10 PETAK **RM 95.00 × 10 petak x 6 bulan** **RM 5,700**

THEMATIC EKONOMI

MATLAMAT 3.1 ECONOMICAL VIBRANT CITY

Menguruskan Ekonomi Bandar Ke Arah 'Vibrant City'

LAMAN BOULEVARD MBPJ

- Mengadakan tapak perniagaan di kawasan Boulevard pada setiap malam minggu

JUMLAH KUTIPAN
RM 5,700

INPUT	PROSES	OUTPUT	KUANTITI
Berdasarkan permohonan yang diterima.	• Hebahan secara dalam talian menggunakan laman web MBPJ, sosial media dan di LED. • Permohonan di buka dalam secara talian (online) • Pelancaran bagi aktiviti *Hub Bas Corner*	• Membantu menjana pendapatan penduduk di Petaling Jaya.	10 PETAK **RM 95.00 × 10 petak x 6 bulan** **RM 5,700**

THEMATIC EKONOMI

MATLAMAT 3.1 ECONOMICAL VIBRANT CITY

Menguruskan Ekonomi Bandar Ke Arah 'Vibrant City'

HUB BAS CORNER

- Mewujudkan *Hub Bas Corner* di *Hub Bas Oldtown* bagi memeriahkan kawasan tersebut.

JUMLAH KUTIPAN
RM 5,700

INPUT	PROSES	OUTPUT	KUANTITI
Data pendaftaran peniaga dan penghantar makanan yang telah membuat pendaftaran	• Penambahbaikan bersama Bahagian Teknologi Maklumat untuk proses jual beli (tidak melibatkan transaksi kewangan)	Memudahkan proses pembelian makanan, minuman, barangan dan perkhidmatan bagi penduduk di Petaling Jaya	10 Peniaga

THEMATIC KOMUNITI MAMPAN

MATLAMAT 4.1 SOCIETY 5.0 CITY

Melaksanakan Program Dan Projek Ke Arah Society 5.0

PEMBANGUNAN APLIKASI BAZAR@PJKITA

- Pihak Jabatan akan menambah baik aplikasi Bazar@PJKita seiring dengan penggunaan yang lebih mudah dan lebih user friendly.
- Penambahbaikan ini adalah kerjasama di antara Jabatan Pelesenan dan Unit Teknologi Maklumat.



INPUT	PROSES	OUTPUT	KUANTITI
Inventori perniagaan bagi lesen di kawasan Pusat Beli belah	• Semakan menggunakan sistem e-Lesen bagi pemegang lesen serta merta dan kritikal • Penghantaran notis kepada pemegang lesen	Bagi mengutip bayaran caj beg plastik untuk membantu program Kerajaan Negeri Selangor	18 Pusat Beli Belah » **Kategori A (2 PREMIS)** » **Kategori B (74 PREMIS)** » **Kategori C (2,123 PREMIS)** » **Kategori D (87 PREMIS)** » **Kategori E (0 PREMIS)**

THEMATIC LOW CARBON CITY

MATLAMAT 1.1 BANDARAYA RENDAH KARBON

Melaksanakan Program Kesedaran Awam Berkaitan Low Carbon City







PROGRAM CAJ BEG PLASTIK

- Pihak Jabatan akan membuat inventori pendaftaran perniagaan yang berlesen di kawasan Pusat Beli Belah untuk berdaftar dibawah Program Caj Beg Plastik mulai tahun 2022

INPUT	PROSES	OUTPUT	KUANTITI
• Proses permohonan, pembaharuan, semakan, cetakan dan bayaran lesen. • Penambahbaikan sistem secara dwibahasa.	• Penambahbaikan proses bersama Bahagian Teknologi Maklumat. • Maklum balas daripada orang awam mengenal perkara-perkara yang boleh di tambah baik.	Membantu memudahkan proses pengeluaran lesen secara dalam talian.	Anggaran **30,000 lesen**

PIHAK BERKUASA TEMPATAN BERKUASA TINGGI

MATLAMAT 5.1 E-GOVERNANCE CITY

Melaksanakan Dasar Dan Program Ke Arah Penyampaian Perkhidmatan Yang Berkesan



MEMPERKUKUHKAN PENGGUNAAN SISTEM LESEN

- Penggunaan sistem e-Lesen secara menyeluruh kepada semua aktiviti penyampaian perkhidmatan berkaitan dengan pengurusan lesen adalah penting.
- Ini adalah seiring dengan matlamat Kerajaan Negeri Selangor di dalam mencapai Selangor sebagai Negeri *Smart*.

INPUT	PROSES	OUTPUT	KUANTITI
Data Usahawan Mikro yang telah dikeluarkan permit.	• Semakan secara berjadual untuk Usahawan Mikro yang telah dikeluarkan permit. • Semakan akan dijalankan bersama Jabatan Teknikal.	Bagi memastikan peniaga mematuhi lesen syarat dan syarat kesihatan yang telah ditetapkan.	1

THEMATIC EKONOMI

MATLAMAT 3.2 PEMBANGUNAN USAHAWAN

Menyediakan Dasar Dan Melaksanakan
Program Pembangunan Usahawan

SEMAKAN SEMULA PERMIT SEMENTARA USAHAWAN MIKRO

- Semakan semula secara berkala akan dijalankan secara bersepadu di dalam memastikan peniaga mematuhi syarat lesen dan syarat kesihatan yang telah ditetapkan





12 JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM



MBPJ

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

JABATAN

PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JPSPPA) MBPJ telah ditubuhkan pada Februari 2015 selaras dengan arahan Kerajaan Negeri Selangor dimana Bahagian Perkhidmatan Bandar telah dikeluarkan daripada Jabatan Kesihatan Persekitaran dan dinaik taraf sebagai sebuah jabatan.

Di Petaling Jaya, kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam telah diserahkan kepada Syarikat KDEB Waste Management Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor bermula 1 Ogos 2018 untuk tempoh 7 tahun. Walau bagaimanapun, MBPJ masih menguruskan aktiviti kutipan sisa, pembersihan awam dan penyelenggaraan landskap di 7 kawasan projek perintis One Management Contractor yang dikenali sebagai KPL (Kutipan, Pembersihan, Landskap) dan GPL (Gabungan Pembersihan & Landskap).

FUNGSI-FUNGSI

i. Merangka dasar, strategi, piawaian dan program pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.
ii. Menyediakan dan mengawal selia perkhidmatan kutipan sisa pepejal, pembersihan awam serta pasar/gerai/kompleks makan dan penyelenggaraan kawasan.
iii. Merangka dasar dan strategi bagi memperluaskan kesedaran dan penyertaan awam berkaitan 3R, kitar semula dan *circular economy*.
iv. Mengenal pasti dan menyelaras perlaksanaan inisiatif *Low Carbon Green City* di Petaling Jaya menerusi aplikasi teknologi hijau.
v. Menguruskan dan mentadbir Pusat 3R dan kemudahan 3R.
vi. Menguatkuasakan undang-undang kecil dan peraturan berkenaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.
vii. Menyediakan perkhidmatan kutipan tong sisa binaan, kutipan berbayar sampah kebun /pukal, peralatan kelengkapan dan tenaga kerja untuk program gotong-royong.
viii. Memproses kelulusan pelan kebuk sampah dan kemudahan berkaitan ke atas projek pembangunan baru dan kelulusan Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC) untuk kebuk sampah dan kemudahan mengikut pelan yang diluluskan.

BAJET TAHUNAN

PERKARA	2021 (RM)
Belanja Mengurus	61,531,900.00
Belanja Pembangunan	28,160,000.00
Jumlah	89,691,900.00



HASIL

Bil.	Jenis Hasil	Hasil 2020 (RM)	Hasil 2021 (RM)	Peratus Perbezaan (%)
1.	Bayaran Kutipan Sampah Kebun/Pukal	23,700.00	25,050.00	+ 5.7%
2.	Yuran Pendaftaran Kursus/ Seminar	2,200.00	2,300.00	+ 4.5%
3.	Sewa Tong Sampah/Sisa Binaan	407,100.00	399,850.00	- 1.8%
4.	Denda atas kontrak kerja	632,795.00	567,317.00	-10.35%
5.	Denda Kehilangan Tong Sampah/Kesalahan Kebersihan	87,300.00	71,200.00	-18.44%
	JUMLAH	**1,153,095.93**	**1,065,717.30**	**-7.56%**

Kutipan hasil bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM 1,065,717.30, pengurangan sebanyak 7.56% atau RM 87,378.63 berbanding hasil tahun 2022. Pengurangan kutipan hasil yang tertinggi adalah bagi kompaun kesalahan di bawah UUK Pemungutan Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap 2007 iaitu perbezaan sebanyak 18.44%. Ini adalah disebabkan tidak semua sektor perniagaan telah dibuka dan MBPJ telah memberikan kelonggaran bagi membolehkan perniagaan beroperasi semula setelah ditutup sepanjang PKP.

MAKLUMAT PERKHIDMATAN
JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

SISA PEPEJAL YANG DILUPUSKAN

Jumlah keseluruhan sisa pepejal yang dilupuskan di Petaling Jaya bagi tahun 2021 adalah sebanyak 237,718.16 tan dengan kos pelupusan sebanyak RM 8,417,795.10 yang dibayar kepada tapak pelupusan. Jumlah berat sisa yang dikutip pada tahun 2021 telah meningkat sebanyak 3.7% berbanding tahun 2020 disebabkan sektor ekonomi telah memulih susulan daripada penamatan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikenakan untuk membendung COVID-19.

BULAN	2021				2020			
	BERAT (TAN)		TIPPING FEE (RM)		BERAT (TAN)		TIPPING FEE (RM)	
	MBPJ	KDEBWM	MBPJ	KDEBWM	MBPJ	KDEBWM	MBPJ	KDEBWM
JANUARI	1,636.11	17,907.76	52,626.23	639,544.40	1,661.21	18,166.75	55,553.52	647,912.28
FEBRUARI	1,832.04	16,640.53	55,852.26	596,007.30	1,526.26	16,452.77	50,225.48	587,338.50
MAC	2,099.45	19,395.96	68,225.28	693,675.92	1,394.52	16,652.66	45,832.24	598,572.00
APRIL	1,834.06	18,369.29	58,713.57	656,832.70	821.57	14,249.42	27,665.34	511,034.34
MEI	1,709.00	18,518.75	49,857.57	662,179.18	1,365.49	17,043.60	46,233.68	609,784.44
JUN	1,567.73	16,705.13	52,673.39	598,842.30	1,723.04	18,242.73	122,798.94	648,922.86
JULAI	1,423.41	18,253.79	47,849.40	656,998.76	1,860.54	18,456.91	60,169.86	665,203.32
OGOS	1,488.90	18,878.37	49,943.12	676,630.64	1,785.15	17,826.85	58,122.56	636,338.54
SEPTEMBER	1,757.62	17,552.98	57,279.05	626,044.16	1,634.56	17,972.43	44,819.50	640,810.30
OKTOBER	1,915.62	17,557.77	51,712.08	627,646.28	1,446.05	18,797.30	46,079.68	671,854.42
NOVEMBER	1,712.01	17,953.32	44,488.51	641,576.92	1,461.19	18,268.17	47,925.10	652,241.24
DISEMBER	1,888.78	19,119.78	65,782.08	686,814.00	1,741.23	18,761.85	55,370.42	670,552.40
JUMLAH	237,718.16		8,417,795.10		229,312.25		8,201,360.96	

KESALAHAN YANG DIKENAKAN *NOTICE TO CORRECT* (NTC) KEPADA KONTRAKTOR

Bulan	Bilangan NTC Kontraktor											Jumlah 2021	Jumlah 2020	Jumlah 2019
	KPL			GPL		Iklan Haram	Pasar/ Gerai	KDEBWM						
	PW	Kutipan	Landskap	PW	Landskap	PW	PW	PW	Kutipan	Jalan Protokol	Longkang Besar			
JANUARI	4	2	-	10	-	2	3	166	2	35	1	225	212	151
FEBRUARI	5	3	-	9	-	3	5	182	3	31	4	245	264	60
MAC	4	-	-	5	-	2	8	187	5	34	5	250	122	134
APRIL	4	-	-	6	-	10	1	174	11	39	4	249	-	125
MEI	6	-	-	3	-	4	-	144	2	50	5	214	105	156
JUN	6	1	-	5	-	4	-	130	9	37	2	194	143	132
JULAI	5	-	-	3	-	-	-	104	6	37	5	160	208	140
OGOS	7	-	-	5	-	4	5	135	2	44	1	203	202	161
SEPTEMBER	6	-	-	5	-	2	-	129	3	34	4	183	196	239
OKTOBER	6	-	-	5	-	2	3	129	1	56	5	207	126	247
NOVEMBER	4	-	-	3	-	3	7	122	5	36	6	186	170	226
DISEMBER	7	–	-	7	-	4	5	134	3	25	4	189	155	196
JUMLAH												2,505	1,903	1,967

ADUAN YANG DITERIMA DAN DISELESAIKAN

BIL	BULAN	JUMLAH ADUAN BAGI 2021	JUMLAH ADUAN BAGI 2020	JUMLAH ADUAN BAGI 2019
1	JANUARI	155	308	334
2	FEBRUARI	134	252	251
3	MAC	190	127	273
4	APRIL	120	85	271
5	MEI	95	123	246
6	JUN	99	236	214
7	JULAI	69	230	323
8	OGOS	138	163	240
9	SEPTEMBER	176	158	234
10	OKTOBER	170	177	200
11	NOVEMBER	125	134	191
12	DISEMBER	170	142	205
JUMLAH		1,641	2,135	2,982

KOMPAUN YANG DIKELUARKAN

Bil	Bulan	Kategori Kompaun								Jumlah Kompaun Bagi 2021	Hasil 2021 (RM)	Jumlah Kompaun Bagi 2020	Hasil 2020 (RM)
		Larangan Membuang Sampah	Meletakkan Sampah Sarap Diatas Jalan	Tong Sampah	Pembuangan Sampah-Sarap Rumah	Sampah Di Bangunan Bertingkat	Larangan Menggangu Isi Kandungan Tong Sampah	Buang Influen	Menimbulkan Kacauganggu/ Jalan Kotor/ Longkang Tersumbat				
1	JANUARI	-	-	-	5	-	-	-	-	5	4,500.00	12	3,450.00
2	FEBRUARI	-	-	13	13	-	-	-	-	26	1,500.00	51	14,000.00
3	MAC	-	-	48	2	-	-	-	-	50	3,700.00	34	6,500.00
4	APRIL	-	-	54	5	-	-	-	-	59	9,600.00	-	-
5	MEI	-	-	23	8	-	-	-	-	31	3,000.00	-	-
6	JUN	-	-	-	-	-	-	-	-	0	0	8	3,500.00
7	JULAI	-	1	-	-	-	-	-	-	1	0	75	16,150.00
8	OGOS	-	5	-	5	-	-	-	-	5	0	57	12,400.00
9	SEPTEMBER	-	5	-	16	-	-	-	-	21	600.00	42	14,300.00
10	OKTOBER	-	12	24	-	-	-	-	-	36	6,500.00	-	6,400.00
11	NOVEMBER	-	12	39	-	-	-	-	-	51	7,500.00	8	7,100.00
12	DISEMBER	-	12	43	-	-	-	-	-	55	11,400.00	10	1,300.00
JUMLAH		0	47	244	54	0	0	0	0	340	63,000.00	305	85,100.00

IKLAN HARAM YANG DITURUNKAN

BULAN	IKLAN BUNTING	IKLAN BANNER	IKLAN STRUKTUR	IKLAN POSTER	IKLAN AHLONG	JUMLAH 2021	JUMLAH 2020	JUMLAH 2019
JANUARI	4,440	392	122	2,085	1,996	9,035	6,572	11,306
FEBRUARI	1,380	422	57	1,172	1,076	4,107	7,751	11,575
MAC	6,358	179	10	1,293	3,122	10,962	5,470	10,176
APRIL	7,978	142	26	1,002	2,638	11,786	804	6,928
MEI	1,861	133	24	713	1,148	3,879	2,562	9,490
JUN	1,089	72	25	314	1,044	2,544	4,309	10,995
JULAI	1,043	26	2	346	869	2,286	5,842	9,789
OGOS	1412	26	0	1066	2008	4,512	4,991	9,941
SEPTEMBER	1573	105	0	618	3265	5,561	4,524	9,024
OKTOBER	3336	41	7	890	3528	7802	2,961	8,367
NOVEMBER	3268	215	20	1157	2696	7356	3,091	7,595
DISEMBER	3533	68	77	1712	2688	8078	3,055	7,326
JUMLAH	**37,271**	**1821**	**370**	**12,368**	**26,078**	**77,908**	**51,932**	**112,512**

KUTIPAN BARANGAN KITAR SEMULA

BULAN	BERAT JENIS BARANG KITAR SEMULA (KG)												JUMLAH 2021 (KG)			JUMLAH 2020 (KG)
	KERTAS		KOTAK		PLASTIK		KACA		AL/TIN		LAIN-LAIN					
	Rumah Kediaman	Tong Statik	Rumah Kediaman	Tong Statik	Rumah Kediaman	Tong Statik	Rumah Kediaman	Tong Statik	Rumah Kediaman	Tong Statik	Rumah Kediaman	Tong Statik	Rumah Kediaman	Tong Statik	Jumlah	
JANUARI	2,2815	12,634.17	16,179	0	10,801	2,677.5	8,503	3,380.5	4,812	900	237	4,025.33	63,347	2,3617.50	86,964.50	37,161
FEBRUARI	4,816	11,651.3	16,239	0	7,304	7,030	4,876	6,557.5	3,019	3,014.95	514	2,434.11	36,768	30,687.86	67,455.86	41,246
MAC	7,141.7	89,72.8	15,240	0	13,339.5	6,031.47	4,529.3	5,372.50	7,820.6	47,878.87	365.50	39,090.11	48,436.60	107,345.75	155,782.35	33,303
APRIL	18,450.6	18,418.8	2,276	181	9,659.6	14,448.2	4,695	14,786	5,436	2,575.25	699	25,118	41,216.20	75,527.25	116,743.45	0
MEI	2,8560.7	9,920.5	3,063	182	13,265.1	10,409.4	7,649	11,983.5	5,943.3	5,548.10	767	27,092.60	59,248.10	65,136.10	124,384.20	20,022
JUN	65,560	9,985.8	20,724	172	39,978.9	12,167.3	13,194	4,182	19,004	6,992.90	346.5	21,706.40	158,807.40	55,206.40	214,013.80	59,529
JULAI	62,323.2	7,653.8	3,495	0	31,084.4	13,524.5	12,528	2,056.5	17,987	5,702.1	1,255.8	23,486.5	128,673.40	52,423.40	181,096.80	51,325
OGOS	55,169.6	18,985.5	15,541	0	23,194.5	25,509.00	20,411.2	2,355.3	10,895.4	11,929.8	4,595.9	23,423.00	129,807.60	58,194.40	188,002	34,791
SEPTEMBER	45,049.1	12,797.5	3,181	0	14,730	16,702.5	10,460.6	2,070.5	6,088.28	6,384.10	0	217,223.2	79,473.88	255,177.80	334,651.68	45,311
OKTOBER	43,179	15,956.4	3599	273	16995	22,242.2	12705	3,010.8	6773.5	7,159.9	75.4	279,593.4	753,237	328,205.7	1,081,442.7	39,427
NOVEMBER	41,182	13953.6	3091	290	15,264	21551.3	9379	2363.2	6367	6314.7	56.1	285,586.7	75,339	330,059.5	405,398.50	50,705
DISEMBER	702	12865	2204	356	1699	2010	1617	2240	1293	1769	36.4	7790	7,551.4	27030	34,581.40	67,220
JUMLAH	394,949.00	144,822.37	104,832.00	1454	197,315.00	154,303.00	110,547.10	60,358.30	95,439.00	106,169.67	8,948.60	956,569.30	1,581,906.00	1,381,581.66	2,990,517.24	480,041

Nota: *Laporan pada bulan Disember 2021 adalah tidak termasuk laporan daripada kutipan tong statik oleh CRC dan kawasan kutipan kitar semula fasa 1 dan fasa 2 kerjasama dengan Nestle.*

PENGKOMPOSAN SISA MAKANAN PUSAT SMART PJ WASTE SOLUTION LAB SS2

BULAN	SELERA MALAM (KG)	PASAR PAGI (KG)	IBUMEE (KG)	PASAR SENTOSA SEKSYEN 17 (KG)	KPJ DAMANSARA HOSPITAL (KG)	JUMLAH 2021	JUMLAH 2020
JANUARI	0.00	5,507.74	2,474.03	1,321.03	1,996.79	11,299.59	8,228.74
FEBRUARI	0.00	4,727.92	1,949.92	1,427.79	1,345.10	9,450.73	8,562.57
MAC	0.00	6,054.05	2,434.17	1,421.01	1,512.70	11,421.93	5,665.81
APRIL	0.00	5,781.77	2,346.13	1,231.60	1,451.16	10,810.66	0.00
MEI	0.00	5,944.79	2,452.31	1,352.70	1,585.54	11,335.34	0.00
JUN	0.00	6,384.48	2,391.05	1,391.85	1,977.90	12,145.28	0.00
JULAI	0.00	6,228.75	2,543.95	1,329.75	1,988.25	12,090.70	8,951.46
OGOS	0.00	4,002.10	2,167.75	551.85	1,773.95	8,495.65	10,376.03
SEPTEMBER	0.00	5,820.50	2,247.60	1,255.50	1,942.70	11,266.30	8,296.47
OKTOBER	0.00	6,753.76	2,456.05	1,051.35	2,001.08	12,262.24	2,001.08
NOVEMBER	0.00	7,658.20	2,272.90	684.90	1,796.50	12,412.50	10,937.07
DISEMBER	0.00	7,686.11	2,394.95	530.95	1,652.15	12264.16	11,250.02
JUMLAH	**0.00**	**72,550.17**	**25,656.78**	**13,550.28**	**21,023.82**	**122,990.92**	**93,519.54**

PROGRAM-PROGRAM
JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021

STESEN KITAR SEMULA *DROP OFF* PERTAMA 2021

Pada 4 April 2021, telah berlangsung program Stesen Kitar Semula *Drop Off* Majlis Bandaraya Petaling Jaya bersama The CAREton Project di PJ Eco Recycling Plaza, SS8, Petaling Jaya yang bermula pada jam 10.00 pagi sehingga 3.00 petang. The CAREton Project merupakan kempen kitar semula oleh MILO UHT dan Tetra Pak yang mengumpulkan pek minuman terpakai untuk dikitar semula menjadi bahan pembinaan mesra alam.

Di dalam program tersebut, sebanyak 5,588 unit bekas kotak minuman telah berjaya dikumpulkan. Pelbagai peringkat masyarakat Petaling Jaya dan penduduk luar telah menyertai program ini dengan melakukan aktiviti 'drop off' bekas kotak minuman dari pelbagai jenama.

Program ini telah berlangsung selama 1 hari dan turut diadakan pada 9 Mei 2021. Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran berkenaan penjagaan alam sekitar di samping menggalakkan amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat.









TEACH-IN UPCYCLE SEMPENA SAMBUTAN HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN 2021

Bersempena dengan sambutan Hari Kitar Semula Kebangsaan 2021, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam MBPJ dengan kerjasama IPC Shopping Centre telah menganjurkan beberapa aktiviti serta program kitar semula selama 4 hari bermula pada 11 hingga 14 November 2021.

Antara program yang diadakan adalah seperti berikut:

i. Program *Teach-in Upcycle* daripada kain terpakai.
ii. Program *Teach-in Upcycle* daripada barangan kitar semula.
iii. Aktiviti "Drop-off" Barangan Kitar Semula






PENYERTAAN ANUGERAH *NATIONAL SCROLL OF HONOUR FOR HUMAN SETTLEMENT* ANJURAN KPKT

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah dianugerahkan Tempat Pertama bagi *National Scroll Of Honour Award For Human Settlements* 2021 anjuran KPKT pada 7 Disember 2021 melalui projek "Assessment Tax Rebate For Eco-Friendly House Owners In Petaling Jaya" dan menerima hadiah saguhati bagi projek 3R Dan Pengkomposan Sisa - Strategi MBPJ Merendahkan Karbon Yang Efektif. Hadiah telah diterima oleh YBhg Tuan Mohamad Azhan bin Md Amir, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Kejayaan ini dipilih berdasarkan inisiatif MBPJ memacu pembangunan bandar rendah karbon atau bebas karbon selaras dengan tema Hari Habitat Sedunia 2021 "Accelerating Urban Action for a Carbon - Free World". Tema ini amat bertepatan dengan inisiatif global yang memfokuskan kepada betapa kritikalnya langkah-langkah mitigasi dan adaptasi dilaksanakan dalam menangani impak perubahan atau *climate change*.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Dr. Haji ismail bin Hj. And Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersempena Hari Habitat Sedunia Peringkat Malaysia 2021 di Dewan Kristal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Putrajaya.





GERAN KOMUNITI UNTUK PJ MAMPAN 3.0

Geran Komuniti untuk PJ Mampan 3.0 atau lebih dikenali sebagai *PJ Seed for Sustainability Grant* telah dilancarkan bermula 7 Mei 2021 dan permohonan dibuka sehingga 30 Ogos 2021. Geran ini terbuka kepada semua MPKK, JMB, JMC, RA, RT, Sekolah, IPT dan NGO yang berminat untuk membantu MBPJ menaikkan prestasi Majlis. Bidang-bidang geran telah diperbaharui dan ditambah baik menjadi 10 bidang dimana dahulunya ada sebanyak 11 bidang. Pada tahun 2021, sebanyak 18 permohonan telah diluluskan dengan jumlah pembiayaan geran sebanyak RM 442,660.00.









PROGRAM JALINAN KASIH 3R PJKITA SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam dengan kerjasama Ahli Majlis Pn. Ermeemarianna binti Saadon, Ahli Majlis Zon 15 telah mengadakan Program Jalinan Kasih 3R PJKITA yang merupakan program penyerahan perabot terpakai di Seksyen 2, Petaling Jaya bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 8 Mei 2021.

Program ini merupakan program khidmat masyarakat dan keprihatinan MBPJ dalam menghulurkan bantuan kepada golongan B40 di Petaling Jaya yang kurang berkemampuan untuk membeli perabot atau keperluan barangan elektrik. Perabot dan keperluan barangan elektrik yang disumbangkan ini adalah barangan terpakai yang masih elok atau sudah dibaiki (upcycle) melalui Program *Spring Cleaning*.












13
UNIT
TEKNOLOGI
MAKLUMAT
MBPJ

UNIT
TEKNOLOGI MAKLUMAT
FUNGSI-FUNGSI
SEKSYEN PENTADBIRAN & QRD

i. Menguruskan penyediaan Pelan Strategik Pendigitalan bagi menentukan hala tuju ICT dan memastikan semua perancangan dapat diuruskan dengan baik.
ii. Mengurus dan menyelaras pelaksanaan Mesyuarat/ Retreat /Bengkel Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan dokumentasi berkaitan SKT UTM.
iii. Menjalankan kajian semula PSICT bagi memastikan program/aktiviti yang dirancang masih bersesuaian dan relevan dengan teknologi dan keperluan semasa.
iv. Mengurus dan memantau peruntukan, perbelanjaan dan perolehan UTM.
v. Mengurus dan memantau pengurusan kontrak terutamanya dari aspek pembayaran.
vi. Mengurus dan memantau hal pentadbiran pejabat dan urusan surat-menyurat.
vii. Mengurus dan mengemas kini sistem fail.
viii. Membantu mengurus dan mengemas kini rekod aset dan perkakasan & perisian ICT dalam Sistem Pengurusan Aset.
ix. Membantu mengurus dan mengemas kini rekod stor alat tulis dalam Sistem Pengurusan Stor.
x. Membantu urusan pelupusan aset ICT.
xi. Merancang, mengurus dan memantau pelaksanaan Projek ICT Majlis (Outsource/ Inhouse).
xii. Melaksanakan Program *Learning City*.
xiii. Menguruskan lesen-lesen perisian/sistem Pejabat.
xiv. Merancang dan menyelaras latihan/kursus ICT kepada kakitangan ICT kepada kakitangan dan komuniti.
xv. Komited untuk melaksanakan kerja, tugasan dan aktiviti dalam keadaan selamat, sihat dan tidak mencemarkan alam sekitar.

SEKSYEN PENGURUSAN APLIKASI

i. Merancang, mengurus dan melaksanakan projek-projek naik taraf sistem hasil dan sokongan sistem.
ii. Merancang jadual dan melaksanakan operasi prosesan berkala.
iii. Mengurus dan menyelenggara sistem-sistem aplikasi.
iv. Merancang dan memantau projek naik taraf untuk pematuhan kriteria SAGA bagi sistem hasil.
v. Merancang dan memantau penyelenggaraan server T7 dan khidmat Sokongan Onsite Oracle 12c Enterprise Edition dan backup serta restore pangkalan data Oracle.
vi. Merancang, memantau perolehan dan menyelenggara peranti mudah alih dan perkhidmatan sokongan yang lain.
vii. Merancang dan memantau pematuhan pengurusan pangkalan data dan sistem yang terlibat dalam Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Bagi Maklumat Cukai Taksiran dan Aduan Awam Komited untuk melaksanakan kerja, tugasan dan aktiviti dalam keadaan selamat, sihat dan tidak mencemarkan alam sekitar.

SEKSYEN TEKNIKAL & INFRASTRUKTUR

i. Khidmat sokongan dan bantuan teknikal bagi perkakasan dan perisian ICT Majlis.
ii. Mengetuai dan menyelia program kualiti bagi pensijilan ISO/IEC 27001:2013 ISMS.
iii. Mengurus bantuan teknikal ICT bagi program-program Majlis.
iv. Mengurus dan memantau pelaksanaan perkhidmatan *livesteaming* untuk mesyuarat penuh Majlis.
v. Merancang, mengurus dan memantau perkhidmatan infrastruktur rangkaian dan CCTV Majlis.
vi. Merancang, mengurus dan memantau perkhidmatan Pusat Data dan DRC Majlis.
vii. Mengurus perkhidmatan teknikal ICT bagi kaunter luar dan kaunter bergerak ezPay.
viii. Menguruskan dokumentasi aplikasi dan pensijilan ISMS.
ix. Komited untuk melaksanakan kerja, tugasan dan aktiviti dalam keadaan selamat, sihat dan tidak mencemarkan alam sekitar.

Unit Teknologi Maklumat (UTM) menggalas tanggungjawab yang amat mencabar setiap tahun bagi mencapai misi ICT iaitu memperkasakan kapasiti ICT dan memantapkan Sistem Penyampaian Digital bagi meningkatkan kecekapan dan kebolehpercayaan perkhidmatan bandar raya. Selaras dengan itu, UTM telah memberi komitmen secara berterusan dalam memperkukuhkan sistem aplikasi dan infrastruktur rangkaian ICT, memantapkan modal insan dan pembudayaan ICT, meningkatkan kualiti perkhidmatan dan sokongan pengguna serta mengukuhkan urus tadbir ICT.

Dengan dedikasi kakitangan UTM yang tidak berbelah bahagi dan sokongan padu yang diterima daripada pengurusan Majlis, UTM telah bergerak maju setapak lagi dengan pencapaian ICT sepanjang tahun 2021 seperti berikut:

MEMPERKUKUHKAN APLIKASI SECARA BERSEPADU DAN BERKESAN

Aplikasi baharu

A) Outsource

Bagi memastikan MBPJ memanfaatkan ICT di dalam menyokong urusan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan beberapa aplikasi baharu telah dibangunkan bersesuaian dengan keperluan semasa.

Jadual 1: Senarai aplikasi baharu yang dibangunkan secara *Outsource* sepanjang tahun 2021.

BIL.	NAMA SISTEM	TARIKH *GO-LIVE* (TAHUN 2021)	URL SISTEM	FUNGSI UTAMA
1	ePermit	1/12/2021	https://epermit.mbpj.gov.my/main.aspx	Menguruskan permit dibawah Jabatan Kejuruteraan
2	ecoReloved	28/3/2021	https://ecoreloved.mbpj.gov.my	Portal pengurusan barangan terpakai
3	eRespon Audit	1/9/2021	https://eaudit.mbpj.gov.my/login	Sistem eRespon Audit merupakan satu sistem interaktif antara auditi dan juruaudit bagi melaksanakan aktiviti pengauditan pengurusan MBPJ secara *online*. Sistem ini digunakan oleh Pasukan Audit Dalam dalam merancang dan menjalankan Audit Dalam.
4	iRest (Admin)	23/12/2021	https://irest.mbpj.gov.my	Portal tempahan rumah rehat
5	Sistem eLatihan 2.0	3/5/2021	https://elatihan.mbpj.gov.my	Pengurusan latihan kakitangan MBPJ
6	Sistem eSPG	23/12/2021	https://espg.mbpj.gov.my	Pengurusan gaji, bonus, elaun kakitangan MBPJ
7	Apps eVisit	27.12.2021		Pengurusan notis kepada pesalah yang melanggar peraturan mengikut undang-undang kecil (Jabatan Penguatkuasaan)
8	Sistem Bil Pelbagai	1.1.2022	https://bilam.mbpj.gov.my/login	Pengurusan bil pelbagai melibatkan semua perkhidmatan MBPJ
9	Sistem PJKitaPark - Modul GIS	27.12.2021	https://pjkitapark.mbpj.gov.my	Tambahan pengurusan letak kereta melalui pemetaan

B) *Inhouse*

Jadual 2: Senarai aplikasi baharu yang dibangunkan secara *inhouse* sepanjang tahun 2021.

BIL.	APLIKASI	MULA PENGGUNAAN / *GO-LIVE*	FUNGSI UTAMA	IMPAK SIGNIFIKAN	PEMILIK SISTEM
1	Sistem Temujanji Pembaharuan Lesen	30 Sept 2021	Membuat temujanji bagi pembaharuan lesen penjaja	Mengurangkan kesesakan di kaunter semasa musim pembaharuan lesen selari dengan pematuhan SOP Covid 19	Jabatan Pelesenan URL https://temujanji.mbpj.gov.my/appt/index.php
2.	Portal Pemantauan Perkhidmatan *Essential Services* Majlis	Jun 2021	Portal ini bertujuan untuk memantau serta memaparkan laporan *dashboard* berkaitan perkhidmatan *Online* Majlis sepanjang tempoh PKP pada tahun 2021	Memudahkan Pengurusan Tertinggi mendapatkan laporan dan statistik perkhidmatan *Online* Majlis	Pengurusan Tertinggi URL https://sites.google.com/mbpj.gov.my/bilikgerakanmbpj/utama

Penambahbaikan Aplikasi

A) *Outsource*

Bagi memastikan MBPJ memanfaatkan ICT di dalam menyokong urusan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan beberapa penambahbaikan aplikasi telah dibangunkan bersesuaian dengan keperluan semasa.

Jadual 3: Senarai aplikasi yang dinaik taraf secara *Outsource* sepanjang tahun 2021.

BIL.	APLIKASI	MULA PENGGUNAAN	FUNGSI UTAMA	IMPAK SIGNIFIKAN	PEMILIK SISTEM
1.	Sistem Pengesahan Identiti Pelesen (PIP) – *Face Recognition*	30 Nov 2021	Membuat pengesahan identiti pelesen yang berniaga sendiri atau tidak berniaga sendiri daripada menggunakan *thumb reader* kepada menggunakan teknologi *face recognition*	Mempercepatkan dan memudahkan proses pengesahan identiti pelesen semasa pihak jabatan menjalankan operasi di lapangan	Jabatan Pelesenan dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran
2.	Sistem ePay@MBPJ	Nov 2021	Pembayaran bil Majlis secara dalam talian	Penambahbaikan yang dibuat bagi memastikan sistem epay@mbpj mematuhi keperluan Audit ISMS	Bahagian Perbendaharaan
3	Sistem eAduan (web)	Mac 2021	Pengurusan Aduan Majlis	Pengurusan Aduan Majlis dapat diuruskan dengan lebih cepat serta mematuhi keperluan Audit ISMS	Seksyen Aduan, Unit Komunikasi Korporat

BIL.	APLIKASI	MULA PENGGUNAAN	FUNGSI UTAMA	IMPAK SIGNIFIKAN	PEMILIK SISTEM
4.	Aplikasi iOS eAduan	Jun 2021	Salah satu Medium saluran aduan kepada Majlis	Aduan boleh dibuat menggunakan telefon dengan lebih cepat dan dimana-mana lokasi	Seksyen Aduan, Unit Komunikasi Korporat
5.	Sistem ePerjawatan	1 Oktober 2021	Pengurusan jawatan kosong di Majlis	Sistem dinaik taraf bersesuaian dengan keperluan dan syarat-syarat semasa perjawatan.	Bahagian Sumber Manusia
6.	Migrasi eBangunan ke Sistem Pengurusan Bangunan	Oktober 2021	Pengurusan pelbagai permohonan dan pengurusan fail berkaitan proses kerja Jabatan Kawalan Bangunan.	Membolehkan data-data dari sistem lama (eBangunan) diakses melalui sistem baharu (Sistem Pengurusan Bangunan).	Jabatan Kawalan Bangunan
7.	Sistem ePusara https://epusara.mbpj.gov.my	8 Disember 2021	Pengurusan merekod, menyimpan dan membuat carian data bagi pusara Islam dan bukan Islam	Memudahkan tugas pegawai membuat pengisian data-data pusara semasa menjalankan operasi di lapangan melalui sistem ePusara ini.	Jabatan Pembangunan Masyarakat

MEMPERKUKUHKAN
INFRASTRUKTUR ICT YANG SELAMAT, PANTAS DAN STABIL

Proses naik taraf infrastruktur ICT telah dapat dilaksanakan dengan penggantian perkakasan sistem rangkaian dan peranti keselamatan ICT yang lebih baik. Projek infrastruktur yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Naik taraf Rangkaian Internet
ii. Naik taraf Rangkaian Fiber
iii. Naik taraf Peralatan Live Streaming
iv. Naik taraf Infrastruktur Pusat Data
v. Pelaksanaan DRC
vi. Perolehan Komputer
vii. Penyelenggaraan Wireless dan Wifi
viii. Perolehan CCTV



INTERNET DEDICATED LINE **- TM *DOME* DENGAN PENAMBAHAN 50MPS DARI SEDIA ADA 20MPS**



PEROLEHAN KOMPUTER
PC Desktop = 147 unit
Laptop = 91 unit
Pencetak = 1
Smart phone = 5
Tablet = 7



MENAIK TARAF RANGKAIAN KABEL GENTIAN FIBER OPTIK DAN SOKONGAN ANTARA PUSAT DATA TINGKAT 3, IBU PEJABAT DAN PUSAT DATA KAWALAN CCTV, TINGKAT 22 MENARA MBPJ

		
SOKONGAN PERKAKASAN DAN PERISIAN BAGI *SERVER-SERVER* PENGUATKUASA, PERPUSTAKAAN & SOKONGAN PUSAT DATA IBU PEJABAT BAGI MEMENUHI SPESIFIKASI PENSIJILAN CGCF ISO 50001	**MEMBEKAL ALAT GANTI KOMPONEN DAN AKSESORI KOMPUTER**	**PEROLEHAN CCTV**
		
PERKHIDMATAN *DISASTER RECOVERY* – DRC	**MENAIK TARAF RANGKAIAN KABEL JENIS KATEGORI 6 (CAT 6), PERKAKASAN DAN PERISIAN *SWITCH* ICT UNTUK IBU PEJABAT DAN BANGUNAN ANNEX**	**PEROLEHAN *SMARTPHONE* DAN *MOBILE PRINTER* BAGI TEMPOH 6 BULAN UNTUK JABATAN PENGUATKUASA**

MEMANTAPKAN MODAL INSAN DAN PEMBUDAYAAN ICT SECARA BERTERUSAN

Program Kesedaran Keselamatan ICT 2021

Program Kesedaran Keselamatan ICT diadakan adalah bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada warga MBPJ mengenai keselamatan maklumat dan data termasuk mengetahui jenis-jenis ancaman keselamatan siber masa kini serta tanggungjawab mereka melindungi maklumat Majlis daripada kebarangkalian terdedah kepada pihak yang tidak bertanggungjawab. Program ini telah berlangsung pada 15 - 22 Jun 2021 dan ia dilaksanakan secara maya melalui hebahan video dan pertandingan kuiz online.





Kursus Komputer Untuk Kakitangan

Bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga kerja di semua peringkat dalam penggunaan ICT beberapa siri latihan Microsoft Office telah diadakan dengan kerjasama Unit Latihan MBPJ. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan lagi pengetahuan kakitangan MBPJ mengenai perisian yang digunakan di pejabat di samping mendedahkan mereka kepada fungsi-fungsi terkini pada perisian tersebut.

Kursus yang ditawarkan adalah MS Word 2016, Excel 2016, Power Point 2016 dan MS Publisher. Disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan Covid 19, hanya 2 sesi kelas MS Office untuk kakitangan berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2021, iaitu Kursus MS Word 2016 dan Kursus MS PowerPoint 2016.

Kursus MS Word 2016 telah diadakan pada 10 hingga 11 Mac 2021 bertempat di Bilik Camelia Tingkat 16 MBPJ. Ia melibatkan seramai 15 orang kakitangan dan 2 orang tenaga pengajar dari UTM. Manakala Kursus MS PowerPoint 2016 telah diadakan pada 25 hingga 26 Feb 2021 bertempat di Bilik Camelia Tingkat 16 MBPJ. Ia juga melibatkan 15 orang kakitangan dan 2 orang tenaga pengajar dari UTM.





LIFELONG LEARNING IT PROGRAMME

Program *Lifelong Learning IT* (Lit) Dengan Pelajar Sekolah Rendah (SDG 4 – Pendidikan Berkualiti)

Unit Teknologi Maklumat telah menjalankan satu Program *Lifelong Learning IT* (LIT) berbentuk latihan kursus komputer kepada anak-anak orang asli di Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan (SKBL) bermula pada tahun 2019 dan ia turut diperluaskan di kawasan lain seperti kawasan PPR Lembah Subang dan juga kawasan PJ Selatan pada tahun 2020 sehingga 2022 bagi memastikan pendidikan kualiti dapat disalurkan kepada golongan berpendapatan rendah.

Lifelong Learning IT Programme atau Program LIT adalah merupakan satu program yang dikhususkan untuk membantu memberikan pendedahan asas kepada pelajar-pelajar dari golongan B40, termasuk pelajar orang asli, mengenai penggunaan program Microsoft Office Word, Excel, dan Power Point.

Program LIT membabitkan seramai lebih kurang 32 orang pelajar sekolah rendah iaitu dari 3 buah komuniti/sekolah iaitu Lembah Subang, Taman Medan dan Taman Dato' Harun yang berada di dalam darjah 4 dan 5 bagi penyediaan akses kepada pendidikan berkualiti mengenai teknologi maklumat kepada pelajar-pelajar kurang kemampuan.

Menerusi pendedahan ini, pelajar-pelajar akan memahami asas bagaimana hendak menggunakan perisian Microsoft yang boleh digunakan baik semasa persekolahan mahu pun selepas mereka sudah tamat persekolahan.







Program *Lifelong Learning IT Softskill* (Lits) Dengan Pelajar Sekolah Menengah

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan, Perkhidmatan Korporat dan Teknologi Maklumat Bilangan 6/2020, Datuk Bandar mencadangkan agar Unit Teknologi Maklumat mengembangkan perancangan untuk mengadakan kursus pembelajaran ilmu komputer di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai pendedahan kepada akses internet, komputer dan peranti mudah alih yang lain. Unit Teknologi Maklumat telah merangka untuk memperluaskan ke kawasan PJ Selatan yang melibatkan pelajar-pelajar dari komuniti atau sekolah menengah. Majlis telah mendapat maklum balas yang positif dari komuniti tersebut mengenai cadangan untuk menyampaikan program kelas membaiki komputer kepada pelajar sekolah menengah.

Unit Teknologi Maklumat telah menamakan Program ini sebagai *Lifelong Learning IT Soft Skill* (LITs) berbentuk latihan kelas membaiki komputer yang telah dimulakan sejak tahun 2021 sehinga kini. Matlamat ialah memastikan semua pelajar B40/PPR termasuk anak orang asli mempunyai pengetahuan asas tentang pemasangan komponen CPU. Objektif program ini adalah memberikan pendedahan dan pengetahuan asas mengenai cara pemasangan komponen CPU dan juga permasalahan komputer. Program LITs membabitkan seramai lebih kurang 20 orang pelajar sekolah menengah iaitu dari 3 buah komuniti/sekolah iaitu Lembah Subang, Taman Medan dan Taman Dato' Harun yang berada di dalam Tingkatan 3 dan 4 bagi penyediaan akses kepada pendidikan berkualiti mengenai teknologi maklumat kepada pelajar-pelajar kurang kemampuan.






Latihan Sistem

Unit Teknologi Maklumat telah mengadakan latihan penggunaan Sistem Helpdesk kepada kakitangan Majlis yang diadakan pada 30/1/2021 bertempat di Bilik Latihan Camelia, tingkat 16 Menara MBPJ. Seramai 32 orang kakitangan telah menyertai latihan ini. Ianya bertujuan bagi melatih kakitangan Majlis membuat aduan secara terus melalui Sistem Helpdesk.

Bengkel Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSP) Bersama 12 PBT ICT Selangor

Satu Jawatankuasa PSICT PBT Negeri Selangor telah dibentuk untuk memastikan pembangunan PSICT ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Hala tuju perancangan bagi pembangunan Pelan Strategik ICT MBPJ telah bermula pada April sehingga Disember 2021 bersama pihak MAMPU dan 12 PBT secara serentak.

Antara objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan program / aktiviti yang dirancang sepanjang 2021-2025 mengikut 4 teras utama iaitu:-

i. Teras Aplikasi
ii. Teras Infrastruktur
iii. Teras Tadbir Urus
iv. Teras Keupayaan ICT

Sumber: Laporan Tahunan COB PBT 2019

PENUBUHAN BADAN PENGURUSAN

Berdasarkan rekod sehingga Disember 2021, sebanyak 604 lot pemajuan di bawah pengurusan pemaju, manakala 293 lot pemajuan di bawah pengurusan JMB, 368 lot pemajuan di bawah pengurusan MC dan 166 lot pemajuan di bawah pengurusan ejen pengurusan lantikan COB. Carta pai disebelah kiri menunjukkan pecahan jenis pengurusan manakala graf 1 di bawah menunjukkan kategori pembangunan:

Carta 1: Pecahan Jenis Pengurusan



Kategori Pembangunan Skim Strata



Graf 1: Kategori Pembangunan

PELANTIKAN EJEN PENGURUSAN

Bil.	Nama Skim Pemajuan	Nama Syarikat Ejen Pengurusan
1.	Dataran Glomac Blok J	MSFM & Associates
2.	Rumah Pangsa Damai	Anzal Property Management Sdn. Bhd.
3.	Flat PKNS Seksyen 17 Blok A-P (16 Blok)	Anzal Property Management Sdn. Bhd.
4.	Sunwaymas Commercial Centre (SMCC Fasa 1–3)	Azmi & Co.
5.	Rumah Pangsa Kampung Lindungan Blok 1–8 (8 Blok)	Anzal Property Management Sdn. Bhd.
6.	Pangsapuri SS6 Kelana Jaya – Blok A	Success Strata Property Management

Jadual 2: Nama Skim Pemajuan Dan Syarikat Ejen Pengurusan Yang Dilantik Sehingga Disember 2021.

Bagi kawasan pemajuan yang bermasalah seperti tidak berjaya lantik AJK, AJK tidak aktif, atau sekiranya COB berpuas hati bahawa pengurusan dan penyenggaraan bangunan tidak dijalankan dengan sewajarnya maka pihak COB akan melaksanakan pelantikan ejen pengurusan selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 86 Akta 757. Jadual 2 menunjukkan nama skim pemajuan dan ejen pengurusan yang dilantik oleh COB sehingga Disember 2021

KES KEBOCORAN ANTARA TINGKAT *'INTER-FLOOR LEAKAGE'*



Perkara	Jumlah
Kes kebocoran antara tingkat 'inter-floor leakage' yang dilaporkan (Borang 28)	294
pengeluaran surat pentadbiran notis kebocoran antara tingkat	367

PEMFAILAN MINIT AGM DAN LAPORAN AKAUN BERAUDIT

Perkara	Jumlah
Minit Mesyuarat AGM/EGM yang disemak	95
Laporan Kewangan Beraudit yang disemak	330



PEMFAILAN JADUAL

PETAK 'SCHEDULE OF PARCEL'



Tahun	Bil. Jadual Petak Yang Difailkan
2016	14
2017	18
2018	16
2019	18
2020	27
2021	9

DEPOSIT

KECACATAN HARTA BERSAMA

Tahun	Bil Skim Pemajuan	Jumlah Deposit
2016	2	RM3,196,500.00
2017	3	RM4,892,604.51
2018	7	RM6,713,330.73
2019	8	RM3,586,070.10
2020	6	RM3,987,396,18
2021	5	RM3,274,617.00

LAPORAN
AKTIVITI COB 2021





LAWATAN TAPAK BERSEPADU HALANGAN KAKI LIMA

- Mengadakan lawatan tapak bersepadu bersama Jabatan Penguatkuasa dan Jabatan Pelesenan berhubung aduan peniaga meletak halangan di kaki lima (common area) di Pangsapuri 15 Tingkat SS8








PEMANTAUAN PROJEK TPPM

- Mengadakan lawat periksa bersama pihak KPKT dan Jabatan Kejuruteraan untuk meninjau pelaksanaan projek TPPM di Pangsapuri Desa Mentari Blok 6 dan Blok 4










OPS PEMATUHAN SOP PKP

- Menjalankan OPS Pematuhan SOP PKP dengan kerjasama pihak KPKT dan Jabatan Penguatkuasa MBPJ
- Tujuan OPS ini dijalankan adalah untuk menyemak surat kebenaran beroperasi MITI, dan pematuhan terhadap SOP Sektor Pengurusan Strata khususnya langkah pencegahan covid-19



OPS PEMATUHAN SOP PKP

- Menjalankan OPS Pematuhan SOP PKP dengan kerjasama pihak KPKT dan Jabatan Penguatkuasa MBPJ
- Tujuan OPS ini dijalankan adalah untuk menyemak surat kebenaran beroperasi MITI, dan pematuhan terhadap SOP Sektor Pengurusan Strata khususnya langkah pencegahan covid-19



OPS PEMATUHAN SOP PKP

- Menjalankan OPS Pematuhan SOP PKP dengan kerjasama pihak KPKT dan Jabatan Penguatkuasa MBPJ
- Tujuan OPS ini dijalankan adalah untuk menyemak surat kebenaran beroperasi MITI, dan pematuhan terhadap SOP Sektor Pengurusan Strata khususnya langkah pencegahan covid-19



OPS PEMATUHAN SOP PKP

- Menjalankan OPS Pematuhan SOP PKP dengan kerjasama pihak KPKT dan Jabatan Penguatkuasa MBPJ
- Tujuan OPS ini dijalankan adalah untuk menyemak surat kebenaran beroperasi MITI, dan pematuhan terhadap SOP Sektor Pengurusan Strata khususnya langkah pencegahan covid-19









LAWATAN TAPAK BERSEPADU PANGSAPURI SRI MERANTI

- Mengadakan lawatan tapak bersepadu bersama Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Penguatkuasa dan Jabatan Pelesenan susulan menerima aduan daripada penduduk mengenai pembinaan haram dan kawasan melepak

LAWATAN TAPAK BERSEPADU ISU MENDAPAN TANAH - RITZE PERDANA



- Mengadakan lawatan tapak bersepadu bersama unit aduan dan Jabatan Kejuruteraan mengenai aduan mendapan tanah di dalam kawasan Ritze Perdana PJU8 Damansara Perdana

LAWATAN TAPAK ISU MENDAPAN TANAH DI PANGSAPURI CASA INDAH 2

- Mengadakan lawatan tapak selepas menerima aduan daripada pihak JMB Casa Indah 2 mengenai kejadian runtuhan tebing sungai bersebelahan pangsapuri











OPERASI BERSEPADU MEROBOHKAN BINAAN HARAM

- Operasi bersepadu merobohkan binaan haram di tapak pembangunan projek perumahan kos rendah di Petaling Utama.
- Agensi yang terlibat dalam operasi ini adalah Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Perancang, Jabatan Penguatkuasa, Unit Aduan, Unit COB, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Sisa Pepejal, PDRM, SPAN, TNB dan AIR SELANGOR







PEMERIKSAAN REKOD PERAKAUNAN (1)

- Membuat pemeriksaan akaun JMB Damansara Bistari
- Tujuan pemeriksaan dijalankan adalah untuk memastikan pihak JMB mempunyai rekod perakaunan yang teratur bagi memudahkan kerja-kerja pengauditan dijalankan













PEMERIKSAAN REKOD PERAKAUNAN (2)

- Membuat pemeriksaan akaun JMB Pangsapuri Impian Baiduri Blok A, B, dan D
- Tujuan pemeriksaan dijalankan adalah untuk memastikan pihak JMB mempunyai rekod perakaunan yang teratur bagi memudahkan kerja-kerja pengauditan dijalankan

OPERASI BERSEPADU MEROBOH DAN MEMINDAH TOKONG (ALTER)

- Mengadakan operasi bersepadu meroboh dan memindakan Tokong di Casa Damansara 2
- Jabatan yang terlibat adalah Jabatan Kawalan Bangunan, Unit COB dan Jabatan Penguatkuasa













LAWATAN TAPAK DAN PERBINCANGAN ISU BERBANGKIT PROJEK TPPM

- Mengadakan lawatan tapak di Desa Mentari Blok 4 susulan menerima aduan daripada KPKT berikutan keengganan pihak JMB menerima penyerahan lif daripada KPKT.
- Agensi terlibat adalah Unit COB, KPKT dan Kontraktor lif












MENGIRINGI PESERTA MBPJ KE KONVENSYEN MENDAYA KOMUNITI 27HB - 29HB DISEMBER 2021

- Seramai 28 peserta daripada JMB/MC Rumah Pangsa Kos Rendah di Petaling Jaya menyertai Konvensyen di IDCC Convention Centre Shah Alam
- Peserta akan dibawa melawat ke beberapa buah pangsapuri kos rendah yang mempunyai projek komuniti terbaik dan mempunyai amalan terbaik *'best practice'*.
- PBT yang terlibat adalah DBKL, MBPJ, MBSA dan Perbadanan Putrajaya




MENGIRINGI PESERTA KONVENSYEN KE PPR RAYA PERMAI KL

- Melawat projek komuniti di PPR Raya Permai KL
- Antara projek komuniti yang dilawati adalah seperti kebun komuniti, dan projek lanskap





MENGIRINGI PESERTA KONVENSYEN KE DESA MENTARI BLOK 9 & 10

- Perkongsian amalan pengurusan terbaik daripada JMB Desa Mentari Blok 9 & 10 mengenai pengurusan bangunan









MENGIRINGI PESERTA KONVENSYEN KE DESA MENTARI BLOK 3

Melawat projek kitar semula













MENGIRINGI PESERTA KONVENSYEN KE APARTMENT IDAMAN

Membawa peserta melawat projek pusat kitar semula, lanskap dan mini library

PROGRAM SANTAI CERIA BERSAMA DATO BANDAR

- Mengadakan pameran Jabatan untuk memperkenalkan kepada Dato Bandar dan warga kerja MBPJ mengenai program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh unit COB
- Menerima anugerah tempat ke-3 pameran terbaik 10 thematic projects @ Domain PJSSR30









WEBINAR AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757) SIRI 2/2021

- Tajuk 1: Strata Management Reported Cases
- Tajuk 2: Conduct your online AGM Effectively & Efficiently




WEBINAR AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757) SIRI 3/2021
• Tajuk 1: Protect Your Interests and Enforce Your Rights
• Tajuk 2: Patented And Proven Online AGM Solution For Strata & Reducing Your Operating Expenses With 'Zero' Capex Solar And LED


LAWATAN TAPAK BERSEPADU PANGSAPURI SRI MERANTI
• Mengadakan lawatan tapak bersepadu mengenai isu pembinaan haram, pembinaan parkir persendirian, salahguna kawasan hijau dan lain-lain.
• Jabatan yang terlibat: Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Perancang, Jabatan Penguatkuasa, Jabatan Kejuruteraan, Unit Aduan dan Unit COB













'COMPREHENSIVE STRATA AND RESIDENTIAL TRAINING' @ C-SMART 11-12 DISEMBER 2021

Mengadakan kursus pemantapan pengurusan bangunan kediaman berstrata

BENGKEL PENGURUSAN KES INGKAR AWARD DAN PEMBUKAAN KERTAS SIASATAN 17-19 DISEMBER 2021














19
UNIT
INTEGRITI
MBPJ
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

UNIT INTEGRITI

Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 (PP6/2013), kerajaan telah bersetuju mewujudkan Unit Integriti (UI) di semua agensi awam bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh bagi meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam.

Pihak Majlis melalui Mesyuarat Majlis Bil.10/2013 pada 25 Oktober 2013 telah bersetuju menubuhkan UI yang ditempatkan sementara di bawah Unit Audit Dalam. Namun pada Mesyuarat Pengurusan MBPJ Bil.4/2019, mesyuarat telah bersetuju bahawa UI akan diletakkan di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan (Bahagian Sumber Manusia) berkuatkuasa pada 01 Mei 2019. Setelah itu, melalui Mesyuarat Pihak Berkuasa Melantik Bil.2/2020 yang bersidang pada 11 Februari 2020, mesyuarat telah bersetuju mengguna pakai Surat Kelulusan Perjawatan Bil.3/2020 (berkuatkuasa 01 Januari 2020 di MBPJ) bahawa UI ditempatkan di bawah Pengurusan (Datuk Bandar).

FUNGSI UNIT

Penubuhan UI adalah merupakan usaha kawalan dalaman oleh agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi. UI juga bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras seperti berikut:

TADBIR URUS

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan (penambahbaikan, peningkatan serta pembaharuan kepada dasar/arahan/ sistem dan prosedur dalam organisasi).

PENGUKUHAN INTEGRITI

Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.

PENGESANAN DAN PENGESAHAN (P&P)

i. Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.

ii. Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

PENGURUSAN ADUAN

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

PEMATUHAN

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa (melaksanakan pemeriksaan berjadual dan tidak berjadual terhadap dasar, undang-undang, kod etika dan peraturan yang berkaitan dengan tatakelakuan dan etika organisasi).

TATATERTIB

Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

AKTIVITI DAN PROGRAM

Antara aktiviti UI yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 mengikut Rancangan Tahunan adalah seperti berikut:

BIL.	AKTIVITI	KEKERAPAN
1.	Pengesanan & Pengesahan Aduan	26
2.	Poster Jom Hebah	6
3.	Seminar/Bengkel/Program Integriti	4
4.	Mesyuarat Lembaga Tatatertib	2
5.	Naziran Integriti	5
JUMLAH		40

POSTER JOM HEBAH













PROGRAM 1 JAM BERSAMA SPRM (2 JABATAN TERLIBAT PADA TAHUN 2021)







TAKLIMAT PENGURUSAN KEWANGAN DAN KREDIT OLEH AKPK




TAKLIMAT KEWANGAN DAN PENGURUSAN HUTANG (SIRI 1) OLEH BANK ISLAM BERHAD (BIMB) KEPADA KAKITANGAN MBPJ






TAKLIMAT DAN BENGKEL PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM) MBPJ TAHUN 2021









20 LAPORAN PENYATA KEWANGAN 2021



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7 (3) Akta Audit 1957 [*Akta 62*] untuk mengaudit Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 44.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 31 Disember 2021, dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

a. Kos hartanah, loji dan peralatan berjumlah RM637,463,986 pada 31 Disember 2021 adalah termasuk kos pembinaan medan selera dan bangunan pejabat berjumlah RM12,869,833 yang siap pada tahun 2021. Bagaimanapun, kos ini tidak mengambil kira kos jururunding berjumlah RM2,329,303 menyebabkan hartanah, loji dan peralatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya terkurang nyata bagi amaun yang sama.

b. Setakat 31 Disember 2021, baki kerja dalam kemajuan ialah RM11,417,142. Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak mengambil kira kos jururunding bagi projek Smart Community Hall PJU 1A; Mini Smart Centre; pembinaan medan selera dan pasar di Sri Damansara; dan PJKita Community Centre di Kelana Jaya berjumlah RM2,795,266 sebagai sebahagian daripada jumlah kos projek tersebut. Perkara ini telah menyebabkan kerja dalam kemajuan terkurang nyata sebanyak RM2,795,266.

   Selain itu, bangunan PJKita Community Centre di Kelana Jaya bernilai RM4,478,681 telah siap sepenuhnya pada 29 Disember 2021 berdasarkan sijil perakuan siap kerja tetapi tidak dikelaskan kepada hartanah, loji dan peralatan. Perkara ini telah menyebabkan hartanah, loji dan peralatan terkurang nyata sebanyak RM4,478,681.

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Kecuali perkara yang dijelaskan dalam perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran, saya memutuskan bahawa tidak ada Perkara Utama Audit lain untuk disampaikan dalam sijil ini.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Bandaraya Petaling Jaya;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Bandaraya

Petaling Jaya sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Ahli Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain tidak disimpan dengan sempurna seperti yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(ZIRAWATI BINTI KADIR C.A(M)**)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

SHAH ALAM, SELANGOR
6 DISEMBER 2022

KENYATAAN OLEH DATUK BANDAR DAN AHLI MAJLIS

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Kami, Mohamad Azhan Bin Md. Amir, Datuk Bandar dan Terence Tan Teck Seng, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2021, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021, Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada 31 Disember 2021 serta hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

.....

MOHAMAD AZHAN BIN MD. AMIR

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tarikh : 26 APR 2022

.....

TERENCE TAN TECK SENG

Ahli Majlis,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Tarikh : 26 APR 2022

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Saya, NIK NAZLI BINTI NIK ABDULLAH K.P. NO. 651129-03-5108 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, dengan ikhlasnya mengakui bahawa, Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2021, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021, Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 yang berikutnya ini beserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh
Penama di atas NIK NAZLI BINTI NIK ABDULLAH
Di Petaling Jaya.
Pada 26 APR 2022

Dihadapan saya :

PESURUHJAYA SUMPAH
A-B 261
MAHKAMAH SESYEN
PETALING JAYA
MALAYSIA

26 APR 2022

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021

	NOTA	2021 (RM)	2020 (DINYATAKAN SEMULA) (RM)
ASET			
Aset Semasa			
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima	3	58,803,402	51,493,926
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	4	12,039,956	10,665,340
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan	5	8,913,334	8,218,598
Pelaburan Jangka Pendek	6	520,740,822	471,174,180
Wang Dalam Bank dan Di Tangan	7	138,141,152	113,083,677
Jumlah Aset Semasa		**738,638,666**	**654,635,721**
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, Loji dan Peralatan	8	637,463,986	659,326,687
Hartanah Pelaburan	9	5,500,009	7,076,354
Kerja Dalam Kemajuan	10	11,417,142	16,480,813
Aset Tak Ketara	11	5,465,734	5,040,144
Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan	5	75,793	153,841
Jumlah Aset Bukan Semasa		**659,922,664**	**688,077,839**
Jumlah Aset		**1,398,561,330**	**1,342,713,560**
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Pendahuluan	12	49,256,816	56,797,145
Cagaran	13	286,207,149	258,337,636
Akaun Amanah	14	216,585,778	188,637,122
Peruntukan Manfaat Kakitangan	15	563,031	542,996
Jumlah Liabiliti Semasa		**552,612,774**	**504,314,899**
Liabiliti Bukan Semasa			
Peruntukan Manfaat Kakitangan	15	10,848,772	10,295,151
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		**10,848,772**	**10,295,151**
Jumlah Aset Bersih		**835,099,784**	**828,103,510**
ASET BERSIH			
Kumpulan Wang Majlis		833,599,784	826,603,510
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan		1,500,000	1,500,000
Jumlah Aset Bersih		**835,099,784**	**828,103,510**

Nota-nota di mukasurat 8 hingga 44 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	NOTA	2021	2020
		(RM)	(RM)
HASIL			
Urusniaga Bukan Pertukaran	16.1	325,184,649	321,009,490
Urusniaga Pertukaran	16.2	50,798,491	56,637,094
Pelbagai Hasil	16.3	2,894,111	4,226,783
JUMLAH HASIL		**378,877,251**	**381,873,367**
PERBELANJAAN			
Perbelanjaan Mengurus			
Emolumen	16.4	103,358,556	100,976,994
Perkhidmatan dan Bekalan	16.5	153,860,381	158,434,903
Pemberian dan Kenaan Tetap	16.6	4,378,012	155,095
Perbelanjaan Lain	16.7	45,295,381	46,080,145
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS		**306,892,330**	**305,647,137**
Perbelanjaan Pembangunan			
Perkhidmatan dan Bekalan	16.8	54,506,008	50,592,408
Aset	16.9	10,283,822	8,624,604
Pemberian dan Kenaan Tetap	16.10	198,817	477,269
JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		**64,988,647**	**59,694,281**
JUMLAH PERBELANJAAN		**371,880,977**	**365,341,418**
LEBIHAN BAGI TAHUN		**6,996,274**	**16,531,949**

Nota-nota di mukasurat 8 hingga 44 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	NOTA	KUMPULAN WANG MAJLIS	KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN	JUMLAH
		RM	RM	RM
Baki pada 01 Januari 2020				
Seperti dilaporkan sebelum ini		796,650,742	1,500,000	798,150,742
Kesilapan	17	13,420,819	-	13,420,819
Seperti dinyatakan semula		810,071,561	1,500,000	811,571,561
Lebihan tahun semasa		16,531,949	-	16,531,949
Baki pada 31 Disember 2020		826,603,510	1,500,000	828,103,510
Baki pada 01 Januari 2021				
Seperti dilaporkan sebelum ini		829,024,600	1,500,000	830,524,600
Kesilapan	17	(2,421,090)	-	(2,421,090)
Seperti dinyatakan semula		826,603,510	1,500,000	828,103,510
Lebihan tahun semasa		6,996,274	-	6,996,274
Baki pada 31 Disember 2021		**833,599,784**	**1,500,000**	**835,099,784**

Nota-nota di mukasurat 8 hingga 44 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	2021 (RM)	2020 (RM)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI:		
Lebihan Pendapatan	6,996,274	16,531,949
Pergerakan bukan tunai:		
Susutnilai Dan Pelunasan	38,375,812	38,705,194
Hapuskira Dan Pelupusan Hartanah Loji Dan Peralatan	-	36
Hapuskira Dan Pelupusan Kerja dalam Kemajuan	-	472,786
Hapuskira Dan Pelupusan Aset Tak Ketara	-	1
Geran Lain	(5,507,553)	-
Peruntukan Hutang Ragu	952,227	1,048,028
Susutan Hutang Ragu	(823,357)	(1,914,730)
Pendapatan Faedah Dan Perolehan Pelaburan	(13,701,573)	(15,762,629)
Pelunasan Geran Amanah	(1,016,985)	(5,466,161)
Rampasan Wang Cagaran	(15,622)	(76,718)
Aset Sumbangan	(1)	-
Peruntukan Manfaat Kakitangan	1,152,465	1,176,016
Lebihan Sebelum Perubahan Modal Kerja	26,411,687	34,713,772
Peningkatan Dalam Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima	(7,438,346)	(2,461,376)
Peningkatan Dalam Urusniaga Pertukaran Belum Terima	(954,328)	(865,928)
(Peningkatan)/Penurunan Dalam Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit Dan Pendahuluan	(708,567)	712,344
(Penurunan)/Peningkatan Dalam Pelbagai Akaun Belum Bayar Dan Perbelanjaan Terakru	(7,540,329)	6,835,301
Peningkatan Dalam Cagaran	27,885,135	23,069,298
Peningkatan Dalam Kumpulan Akaun Amanah	28,965,642	32,655,191
Tunai Daripada Aktiviti Operasi	66,620,894	94,658,602
Pembayaran Manfaat Kakitangan	(578,809)	(488,957)
Aliran Tunai Bersih Dijana Daripada Aktiviti Operasi	**66,042,085**	**94,169,645**
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian Hartanah, Loji Dan Peralatan	(2,570,602)	(5,919,027)
Pembelian Aset Tak Ketara	(1,186,695)	(1,424,458)
Pembayaran Kerja Dalam Kemajuan	(1,033,835)	(4,065,417)
Faedah Diterima	13,281,285	16,521,684
Terimaan Pinjaman Kakitangan	94,195	103,826
Bayaran Pinjaman Kakitangan	(2,316)	(83,700)
Peningkatan Dalam Pelaburan Jangka Pendek	(49,566,642)	(49,923,194)
Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	**(40,984,610)**	**(44,790,286)**

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021
(sambungan)

	2021 (RM)	2020 (RM)
Peningkatan Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai	25,057,475	49,379,359
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Bawa Hadapan	113,083,677	63,704,318
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER	**138,141,152**	**113,083,677**
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh terdiri daripada:		
WANG DALAM BANK DAN DI TANGAN	**138,141,152**	**113,083,677**

Nota-nota di mukasurat 8 hingga 44 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	JUMLAH BAJET ASAL RM	JUMLAH BAJET AKHIR RM	JUMLAH SEBENAR RM	^VARIAN BAJET RM
PENERIMAAN				
Urusniaga Bukan Pertukaran	326,331,200	316,154,530	310,360,125	5,794,405
Urusniaga Pertukaran	63,016,540	50,015,250	51,770,199	(1,754,949)
Pelbagai Hasil	2,439,310	2,439,310	2,070,754	368,556
Jumlah Penerimaan	391,787,050	368,609,090	364,201,078	4,408,012
PEMBAYARAN				
Perbelanjaan Mengurus				
Emolumen	125,954,100	118,978,950	103,358,554	15,620,396
Perkhidmatan dan Bekalan	183,579,860	176,182,930	154,634,035	21,548,895
Aset	1,907,310	1,971,910	1,780,223	191,687
Pemberian dan Kenaan Tetap	1,299,010	4,499,180	4,378,012	121,168
Perbelanjaan Lain	6,216,580	5,802,520	4,814,877	987,643
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	318,956,860	307,435,490	268,965,701	38,469,789
Perbelanjaan Pembangunan				
Perkhidmatan dan Bekalan	68,148,920	62,690,440	55,460,060	7,230,380
Aset	20,270,000	15,993,500	10,894,605	5,098,895
Pemberian dan Kenaan Tetap	1,007,500	597,500	198,817	398,683
Jumlah Perbelanjaan Pembangunan	89,426,420	79,281,440	66,553,482	12,727,958
Jumlah Pembayaran	408,383,280	386,716,930	335,519,183	51,197,747
PENERIMAAN BERSIH	(16,596,230)	(18,107,840)	28,681,895	(46,789,735)

^ Merujuk kepada varian di antara Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

NOTA PENJELASAN

ITEM BAJET	VARIAN (RM)	PENJELASAN
PENERIMAAN		
Urusniaga Bukan Pertukaran	5,794,405	Pengurangan kutipan bagi urusniaga bukan pertukaran adalah melibatkan hasil cukai taksiran dan caruman bantuan kadar disebabkan pihak Majlis tidak lagi mengeluarkan bil cukai taksiran pada penggal 2 Tahun 2021. Selain itu, pengecualian notis E oleh kerajaan negeri selangor pada penggal 2/2021 dan penangguhan pelaksanaan waran tahanan pada penggal 2/2021 menyebabkan kutipan cukai taksiran menurun.
Urusniaga Pertukaran	(1,754,949)	Lebihan kutipan hasil bagi hasil Perkhidmatan & Bayaran Perkhidmatan, Perolehan & jualan barang-barang dan faedah & perolehan dari pelaburan. Lebihan kutipan adalah daripada aktiviti operasi Majlis.
Pelbagai Hasil	368,556	Pengurangan kutipan bagi pulangan balik perbelanjaan yang meliputi kutipan bagi kakitangan yang menduduki kuarters Majlis dan pembayaran balik gaji oleh agensi lain.
PEMBAYARAN		
Perbelanjaan Mengurus		
Emolumen	15,620,396	Majlis telah membuat semakan semula Bajet 2021. Walau bagaimana pun, masih terdapat projek dan program yang tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pematuhan SOP yang ketat.
Perkhidmatan dan Bekalan	21,548,895	
Aset	191,687	
Pemberian dan Kenaan Tetap	121,168	
Perbelanjaan Lain	987,643	
Perbelanjaan Pembangunan		
Perkhidmatan dan Bekalan	7,230,380	
Aset	5,098,895	
Pemberian dan Kenaan Tetap	398,683	

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

1. MAKLUMAT AM

1.1 Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan Utama Majlis adalah untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran, mengawal pembangunan tanah dan bangunan, memberikan perkhidmatan pembersihan, menjaga dan mengawal kesihatan awam, membina dan menyelenggara kemudahan rekreasi, jalan awam serta parit/saliran.

Mengutip/mengenakan hasil dan terimaan ditetapkan oleh akta dan undang-undang kecil yang berkuatkuasa.

1.2 Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 telah dibentangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan pada 20 April 2022 dan disahkan di dalam Mesyuarat Majlis pada 26 April 2022.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1 Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

2.1.2 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Pengiktirafan Pendapatan

2.2.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) *Cukai Taksiran*
Cukai Taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai Taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai taksiran dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) *Sumbangan Membantu Kadar*
Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tidak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) *Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit*
Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain. Lesen, Bayaran Pendaftaran dan permit diiktiraf sebagai hasi dalam Penyata Prestasi Kewangan setelah Majlis menerima bayaran.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.2.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran (sambungan)

(iv) *Denda dan Hukuman*

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) *Geran Kerajaan*

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) *Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan*

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.2.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran (sambungan)

(ii) *Perolehan dari Jualan Barang-Barang*
Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(iii) *Sewaan*
Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iv) *Faedah dan Perolehan dari Pelaburan*
Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1 Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000 setiap satu.

2.3.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.3.3 Jika berlaku sesuatu aset diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.3.4 Nilai dibawah item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.3.5 Pengiktirafan baki awal aset infrastruktur jalan dianggar munasabah dengan kadar RM94 per meter persegi. Bagi nilai tambahan yang dipermodalkan di dalam tahun 2021 adalah mengikut pendaftaran jalan yang diluluskan di dalam sistem MARRIS. Hanya jalanraya sahaja yang dinyatakan terlebih dahulu ke atas pemakaian MPSAS 17 . Manakala bagi kerja pembaikan diiktiraf sebagai perbelanjaan dan tidak dipermodalkan.

2.4 Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1 Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.4.2 Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

Bil	Kategori Hartanah, Loji dan Peralatan	Kadar Susutnilai (%)	Tempoh Usia Guna
i	Tanah	- Tanah milikan bebas tidak disusutnilaikan - Tanah pajakan disusutnilai berdasarkan tempoh pajakan	- 60 - 99 tahun
ii	Bangunan	5% setahun	20 tahun
iii	Kenderaan dan Jentera Berat	20% setahun	5 tahun
iv	Kelengkapan Pejabat	20% setahun	5 tahun
v	Peralatan ICT	33.33% setahun	3 tahun
vi	Jentera Ringan dan Mesin	33.33% setahun	3 tahun
vii	Aset Infrastruktur	2% setahun	50 tahun

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.4.3 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5 Hartanah Pelaburan

2.5.1 Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

2.5.2 Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.5.3 Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul (jika ada).

2.5.4 Susutnilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.5.5 Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6 Aset Tak Ketara

2.6.1 Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.6.2 Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.6.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosotnilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.6.4 Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 3 hingga 10 tahun.

2.6.5 Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.6.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.7 Kerja Dalam Kemajuan

Kerja Dalam Kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan hartanah, loji dan peralatan akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (*Certificate of Practical Completion*) dikeluarkan atau tarikh siap kerja dan dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

2.8 Aset Kewangan

2.8.1 Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.8.2 Pada pengiktirafan awal, aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

2.8.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.8.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvesyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.8.5 Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) *Pinjaman dan Belum Terima*

Pinjaman dan Belum Terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambilkira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) *Pelaburan Dipegang Hingga Matang*

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang sehingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

RosotNilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosotnilai. Bukti objektif termasuk:

(i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
(ii) Pembayaran tertunggak;
(iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan muflis;
(iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai;
(v) Sclepas sekurang-kurangnya 10 kali notis E dikeluarkan; atau
(vi) Selepas penggulungan dan pembubaran syarikat serta pengambilalihan tanah.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

RosotNilai Aset Kewangan (sambungan)

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.9 Peruntukan dan Liabiliti

2.9.1 Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam Penyata Prestasi Kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.10 Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.10.1 Liabiliti Luar Jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf tetapi didedahkan dalam Penyata Kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.10.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam Penyata Kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.11 Liabiliti Kewangan

2.11.1 Liabiliti Kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.11.2 Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.11.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.11.4 Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) *Pinjaman dan Belum Bayar*
Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) *Penyahiktirafan Liabiliti kewangan*
Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.12 Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan Lain-Lain

Kumpulan wang pinjaman kenderaan dan lain-lain merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan dan Pinjaman Komputer.

2.13 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata Aliran Tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang tiga bulan atau kurang yang disedia tukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.14 Manfaat Pekerja

2.14.1 Manfaat kakitangan jangka pendek

Majlis sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN), dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Faedah kakitangan jangka masa pendek termasuk gaji, upah, bonus dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan gantirugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap gantirugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan gantirugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

2.14.2 Manfaat selepas perkhidmatan

(i) *Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)*
Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) *Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)*
Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(iii) *Manfaat Ganti Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan Tetap/Kontrak*
Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhimatan Awam dan digunapakai oleh Majlis.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.14.2 Manfaat selepas perkhidmatan (sambungan)

Majlis hanya mengambilkira peruntukan GCR bagi kakitangan tetap yang telah mencapai umur 40 tahun dalam tempoh kewangan berakhir di mana ia dikira berdasarkan formula berikut:

1/30 x Gaji dan elaun akhir yang diterima x 150 hari (had maksimum yang boleh dituntut)

2.15 Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

2.15.1 *Aset Penjanaan Tunai*

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Majlis mengkaji semula nilai di bawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosotnilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urusniaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urusniaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.15.2 *Aset Penjanaan Bukan Tunai*

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat pertunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis menggunapakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susutnilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.16 Percukaian

Majlis adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6 : Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.17 Cukai Jualan dan Perkhimatan (SST)

Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Pekhidmatan adalah ditadbir di bawah Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Cukai Jualan merupakan cukai persekutuan yang dikenakan ke atas penggunaan pelbagai barangan secara meluas sementara Cukai Perkhidmatan pula dikenakan ke atas pengguna yang menggunakan perkhidmatan bercukai tertentu.

2.18 Maklumat Bajet

2.18.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.18.2 Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Belanjawan dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

2.19 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian

2.19.1 Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat sepeti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan.

2.19.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.19.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (sambungan)

(i) *Elaun Rosotnilai bagi Belum Terima*

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) *Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan*

Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) *Penentuan Hartanah Pelaburan*

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

(iv) *Pengukuran Peruntukan*

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

2.20 Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.21 Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis.

2.22 Pajakan

Pajakan Kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya dibawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.23 Angka Perbandingan

Angka tahunan terdahulu ditunjukkan semula untuk tujuan perbandingan. Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

Keterangan	Nota	2021	2020
		RM	RM
Tunggakan Cukai Taksiran	3.1	64,841,572	57,403,226
(-) Elaun Hutang Ragu	3.4	(6,038,170)	(5,909,300)
JUMLAH		**58,803,402**	**51,493,926**

3.1 TUNGGAKAN CUKAI

Tunggakan Cukai adalah terdiri daripada jenis cukai seperti di bawah :

Keterangan	2021	2020
	RM	RM
Cukai Taksiran	63,090,514	56,131,056
Caruman Bantu Kadar	1,751,058	1,272,170
JUMLAH	**64,841,572**	**57,403,226**

3.2 ANALISA PENGUMURAN AKAUN BELUM TERIMA CUKAI TAKSIRAN

Keterangan	2021	2020
	RM	RM
Tahun Semasa	20,560,390	9,196,752
1 hingga 5 tahun	29,790,479	34,470,331
Melebihi 5 tahun	12,739,645	12,463,973
JUMLAH	**63,090,514**	**56,131,056**

3.3 ANALISA PENGUMURAN AKAUN BELUM TERIMA CARUMAN BANTU KADAR

Keterangan	2021	2020
	RM	RM
Tahun Semasa	1,619,750	1,140,862
1 hingga 5 tahun	131,308	131,308
Melebihi 5 tahun	-	-
JUMLAH	**1,751,058**	**1,272,170**

3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA (sambungan)

3.4 ELAUN HUTANG RAGU

Keterangan	2021	2020
	RM	RM
Baki Elaun Hutang Ragu pada 1 Januari	5,909,300	6,776,002
Hutang Ragu Baikpulih	(823,357)	(1,914,730)
Peruntukan Hutang Ragu	952,227	1,048,028
BAKI PADA 31 DISEMBER	**6,038,170**	**5,909,300**

4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

Keterangan	Nota	2021	2020
		RM	RM
i) Penghutang Sewa		1,537,796	939,057
ii) Sewa Menara MBPJ		9,480	13,200
iii) Sewa Tempat Letak Kereta		7,608,461	7,249,151
iv) Keuntungan Simpanan Tetap Terakru		2,884,219	2,463,932
v) Lain-lain Akaun Belum Terima		186,261	186,261
		12,226,217	10,851,601
(-) Elaun Hutang Ragu	4.2	(186,261)	(186,261)
JUMLAH		**12,039,956**	**10,665,340**

4.1 Analisa pengumuran urusniaga pertukaran belum terima adalah seperti berikut :

Keterangan	2021	2020
	RM	RM
Tidak rosot atau melepasi tempoh kena dibayar	2,884,219	2,463,932
Melepasi tempoh kena dibayar 01 hingga 30 hari tetapi tidak dirosot nilai	656,759	1,007,958
Melepasi tempoh kena dibayar 31 hingga 60 hari tetapi tidak dirosot nilai	-	16,939
Melepasi tempoh kena dibayar 61 hingga 90 hari tetapi tidak dirosot nilai	-	5,950
Melepasi tempoh kena dibayar 91 hari tetapi tidak dirosot nilai	8,498,978	7,170,561
JUMLAH	**12,039,956**	**10,665,340**

4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA (sambungan)

4.2 Butiran pergerakan akaun elaun adalah seperti berikut :

Keterangan	2021	2020
	RM	RM
Baki Peruntukan Hutang Ragu pada 1 Januari	186,261	186,261
Tambahan - Tahun Semasa	-	-
BAKI PADA 31 DISEMBER	**186,261**	**186,261**

5. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN TERAKRU

Keterangan	2021	2020
	RM	RM
i) Deposit dibayar	1,400,110	1,380,110
ii) Jabatan Kastam Diraja Malaysia	7,432,495	6,453,823
iii) Pinjaman Kakitangan	155,942	247,821
iv) Pendahuluan Diri Pegawai Bertanggungjawab	-	290,685
v) Kutipan Cukai Taksiran dari Agensi Luar	580	-
JUMLAH	**8,989,127**	**8,372,439**

5.1 Analisa seperti berikut :

Keterangan	2021	2020
	RM	RM
Kurang daripada 12 bulan	8,913,334	8,218,598
Lebih daripada 12 bulan	75,793	153,841
JUMLAH	**8,989,127**	**8,372,439**

6. PELABURAN JANGKA PENDEK

Keterangan	2021 RM	2020 RM
Simpanan Tetap - Al-Mudharabah	520,740,822	471,174,180
JUMLAH	**520,740,822**	**471,174,180**

Kadar keuntungan bagi simpanan tetap dengan bank-bank berlesen ialah antara 2.10% - 3.45% setahun (2020 = 2.15% - 3.85% setahun). Tempoh matang simpanan tetap ialah antara 3 bulan sehingga 12 bulan.

7. WANG DALAM BANK DAN DI TANGAN

Keterangan	2021 RM	2020 RM
i) Wang Runcit	38,200	28,600
ii) Wang Di Tangan	378	-
iii) Bank	138,102,574	113,055,077
JUMLAH	**138,141,152**	**113,083,677**

8. HARTANAH, LOJI & PERALATAN

Jenis Harta	1. Tanah	2. Bangunan	3. Kenderaan dan Jentera Berat	Jumlah A
	RM	RM	RM	RM
Kos/ Nilai				
Baki pada 01/01/2021	8,533,731	358,322,579	45,013,132	411,869,442
Tambahan dalam tahun				
Aset baharu	-	139,432	275,940	415,372
Kerja dalam kemajuan	-	4,733,078	-	4,733,078
Baki pada 31/12/2021	**8,533,731**	**363,195,089**	**45,289,072**	**417,017,892**
Susutnilai Terkumpul				
Baki pada 01/01/2021	2,566,032	265,616,309	36,804,814	304,987,155
Susutnilai dalam tahun	107,771	7,474,256	3,567,371	11,149,398
Baki pada 31/12/2021	**2,673,803**	**273,090,565**	**40,372,185**	**316,136,553**
Nilai Buku 2021	**5,859,928**	**90,104,524**	**4,916,887**	**100,881,339**
Nilai Buku 2020	**5,967,699**	**92,706,270**	**8,208,318**	**106,882,287**

Jenis Harta	4. Kelengkapan Pejabat	5. Peralatan ICT	6. Jentera Ringan dan Mesin	Jumlah B
	RM	RM	RM	RM
Kos/ Nilai				
Baki pada 01/01/2021	48,148,845	16,829,690	15,535,216	80,513,751
Tambahan dalam tahun				
Aset baharu	978,548	1,176,682	-	2,155,230
Kerja dalam kemajuan	-	-	-	-
Baki pada 31/12/2021	**49,127,393**	**18,006,372**	**15,535,216**	**82,668,981**
Susutnilai Terkumpul				
Baki pada 01/01/2021	43,346,253	14,398,449	15,480,072	73,224,774
Tambahan dalam tahun	2,620,512	2,532,759	37,996	5,191,267
Baki pada 31/12/2021	**45,966,765**	**16,931,208**	**15,518,068**	**78,416,041**
Nilai Buku 2021	**3,160,628**	**1,075,164**	**17,148**	**4,252,940**
Nilai Buku 2020	**4,802,592**	**2,431,241**	**55,144**	**7,288,977**

8. HARTANAH, LOJI & PERALATAN (sambungan)

Jenis Harta	7. Aset Infrastruktur	Jumlah C	Jumlah Besar A + B + C
	RM	RM	RM
Kos/ Nilai			
Baki pada 01/01/2021	920,156,027	920,156,027	1,412,539,220
Pelarasan	(9,000,136)	(9,000,136)	(9,000,136)
Baki dinyatakan semula	911,155,891	911,155,891	1,403,539,084
Tambahan dalam tahun			
Aset baharu	5,507,553	5,507,553	8,078,155
Kerja dalam kemajuan	-	-	4,733,078
Baki pada 31/12/2021	**916,663,444**	**916,663,444**	**1,416,350,317**
Susutnilai Terkumpul			
Baki pada 01/01/2021	372,579,514	372,579,514	750,791,443
Pelarasan	(6,579,046)	(6,579,046)	(6,579,046)
Baki dinyatakan semula	366,000,468	366,000,468	744,212,397
Tambahan dalam tahun	18,333,269	18,333,269	34,673,934
Baki pada 31/12/2021	**384,333,737**	**384,333,737**	**778,886,331**
Nilai Buku 2021	**532,329,707**	**532,329,707**	**637,463,986**
Nilai Buku 2020	**545,155,423**	**545,155,423**	**659,326,687**

9. HARTANAH PELABURAN

Jenis Harta	Hartanah Pelaburan 2021 RM	Hartanah Pelaburan 2020 RM
Kos		
Baki pada 01 Januari	64,448,195	64,448,195
Tambahan dalam tahun	-	-
Baki pada 31 Disember	**64,448,195**	**64,448,195**
Susutnilai Terkumpul		
Baki pada 01 Januari	57,371,841	55,795,494
Tambahan dalam tahun	1,576,345	1,576,347
Baki pada 31 Disember	**58,948,186**	**57,371,841**
NILAI BUKU PADA 31 DISEMBER	**5,500,009**	**7,076,354**

10. PEMBINAAN/ KERJA DALAM KEMAJUAN/PROSES

Keterangan	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	16,480,813	31,092,424
(+) Pembinaan/Kerja Dalam Kemajuan/Proses	1,033,835	5,729,929
(-) Pembinaan/Kerja Dalam Kemajuan/Proses Yang Telah Selesai	(6,097,506)	(20,341,540)
BAKI PADA 31 DISEMBER	**11,417,142**	**16,480,813**

11. ASET TAK KETARA

Jenis Harta	Perisian Komputer	
	2021	2020
	RM	RM
Kos		
Baki pada 01 Januari	14,535,473	11,071,805
Tambahan dalam tahun		
Aset baharu	1,186,695	3,463,669
Kerja Dalam Kemajuan	1,364,428	-
Hapuskira	-	(1)
Baki pada 31 Disember	**17,086,596**	**14,535,473**
Susutnilai Terkumpul		
Baki pada 01 Januari	9,495,329	7,817,464
Tambahan dalam tahun	2,125,533	1,677,865
Baki pada 31 Disember	**11,620,862**	**9,495,329**
NILAI BUKU PADA 31 DISEMBER	**5,465,734**	**5,040,144**

12. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU

Keterangan	2021	2020
	RM	RM
i) Pemiutang	36,879,669	45,729,455
ii) Pemiutang Utiliti	827,395	39,489
iii) Sewa Terima Terdahulu	1,792,292	1,367,015
iv) Kos Guaman Cukai Taksiran	1,089	3,608
v) Pelbagai Pemiutang	1,487,182	1,459,695
vi) Terimaan terdahulu	-	12,067
vii) Cukai Taksiran Terima Terdahulu	8,269,189	7,766,112
viii) Cukai Perkhidmatan Kastam	-	419,704
JUMLAH	**49,256,816**	**56,797,145**

13. CAGARAN

Keterangan	2021	2020
	RM	RM
Baki Terkumpul pada 1 Januari	258,337,636	235,345,056
Tambahan	54,304,954	46,645,581
Pulangan	(19,649,616)	(23,576,283)
Potongan	(15,622)	(76,718)
Akta Wang Tak Dituntut	(6,770,203)	-
BAKI PADA 31 DISEMBER	**286,207,149**	**258,337,636**

13.1 Cagaran adalah terdiri daripada jenis cagaran seperti berikut :-

Keterangan	2021	2020
	RM	RM
Cagaran		
Cagaran Teknikal	276,075,639	242,173,254
Cagaran Bukan Teknikal	10,131,510	16,164,382
BAKI PADA 31 DISEMBER	**286,207,149**	**258,337,636**

13.1.1 Cagaran teknikal seperti berikut :

Keterangan	2021	2020
	RM	RM
Cagaran Teknikal		
Kerja-Kerja Pengorekan Jalan dan Pelan Infrastruktur	154,424,209	129,503,469
Wang Jaminan Pelaksanaan	38,001,760	35,002,505
Pelan Bangunan, Garis Panduan dan Sijil Kelayakan Sementara Bangunan	29,264,739	28,309,139
Membaiki Kecacatan Pada Harta Bersama	17,768,798	15,461,505
Cagaran Sebelum Sistem PJIIS	10,992,068	10,993,568
Cagaran Lain	25,624,065	22,903,068
BAKI PADA 31 DISEMBER	**276,075,639**	**242,173,254**

13.1.2 Cagaran bukan teknikal seperti berikut :

Keterangan	2021	2020
	RM	RM
Cagaran Bukan Teknikal		
Sewa Harta	2,957,928	2,725,978
Sewa Gerai dan Petak Musim	1,479,507	1,413,310
Sewa Balairaya, Dewan dan Stadium	834,021	826,770
Tong Sampah	981,800	750,100
Cagaran Sebelum Sistem PJIIS	-	6,637,933
Lain-Lain	3,878,254	3,810,291
BAKI PADA 31 DISEMBER	**10,131,510**	**16,164,382**

14. KUMPULAN WANG AMANAH

BIL	AKAUN AMANAH	BAKI PADA 1/1/2021 (a)	TERIMAAN (b)	BAYARAN (c)	BAKI PADA 31/12/2021 (d) = (a) + (b) - (c)
1.	Geran Penyelenggaraan Jalan (Marris)	34,650,159	37,328,638	26,675,254	45,303,543
2.	Program Penggerak Belia Tempatan (PeBT)	12	-	12	-
3.	Wang Caruman Pembinaan Interchange Persiaran Surian & Mahagony	18,119,011	460,337	96,508	18,482,840
4.	Menaiktaraf Infrastruktur Kg. Kayu Ara	5,092,928	307,090	961,729	4,438,289
5.	Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF)	14,126,535	10,148,466	1,827,875	22,447,126
6.	Tabung Pembangunan Mampan	7,005,900	1,598,000	308,809	8,295,091
7.	Caj Pemajuan	26,333,990	5,015,347	1,524,608	29,824,729
8.	Pembinaan Ramp/ Terowong dari Kawasan PJU1A melintas NKVE	24,959,058	515,433	-	25,474,491
9.	Tabung Hijau	995,023	3,000	501,833	496,190
10.	Terowong Tropicana	380,784	13,957	-	394,741
11.	Menaiktaraf Jalan Penchala dan Mensehala Jalan Utara	3,707,679	1,145,520	-	4,853,199
12.	Menaiktaraf Infra Sek. 13, P.Jaya dan Jalan Harapan	23,323,828	1,195,875	2,367,894	22,151,809
	Jumlah (i)	158,694,907	57,731,663	34,264,522	182,162,048

14. KUMPULAN WANG AMANAH (sambungan)

BIL	AKAUN AMANAH	BAKI PADA 1/1/2021 (a)	TERIMAAN / PELARASAN (b)	BAYARAN (c)	BAKI PADA 31/12/2021 (d) = (a) + (b) - (c)
13.	PJ City Innovation & Service Centre, Kota Damanasara	7,881,489	-	-	7,881,489
14.	Tabung Pendidikan	4,950,901	1,402,000	515,158	5,837,743
15.	Menaiktaraf Jalan Tanjung	3,282,204	-	-	3,282,204
16.	Projek Tempat Letak Kereta di 3 Tapak Tanah Bawah Rentis Elektrik Dekat Stesyen LRT	37,608	-	-	37,608
17.	Hadiah Kemenangan	107,775	51,000	99,000	59,775
18.	Tabung Perkuburan	9,386,913	2,723,250	241,516	11,868,647
19.	Tabung "PJ City Food Bank"	22,069	204,050	221,295	4,824
20.	Studio Terbuka Petaling Jaya	6,979	-	-	6,979
21.	Tabung 3R	123,045	82,716	-	205,761
22.	Aktiviti Kota Seni MBPJ	268,696	-	-	268,696
23.	Tabung Pengangkutan Petaling Jaya	2,117,589	1,090,374	525,940	2,682,023
24.	Am (Pelbagai)	976,415	2,842,247	2,669,871	1,148,791
25.	Program Kutipan Caj Beg Plastik	780,532	1,091,257	732,599	1,139,190
	Jumlah (ii)	29,942,215	9,486,894	5,005,379	34,423,730
	Jumlah Besar (i) + (ii)	**188,637,122**	**67,218,557**	**39,269,901**	**216,585,778**

15. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

Keterangan	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	10,838,147	10,151,088
(+) Peruntukan Tahun Semasa	1,152,465	1,176,016
(-) Pembayaran Dalam Tahun	(578,809)	(488,957)
BAKI PADA 31 DISEMBER	**11,411,803**	**10,838,147**

Keterangan	2021 RM	2020 RM
Manfaat dibayar dalam tempoh 12 bulan	563,031	542,996
Manfaat dibayar selepas 12 bulan	10,848,772	10,295,151
JUMLAH	**11,411,803**	**10,838,147**

16. PENYATA PRESTASI KEWANGAN TERPERINCI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

		2021	2020
		(RM)	(RM)
	HASIL		
16.1	**URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN**		
	Cukai Taksiran	268,079,855	263,620,747
	Caruman Bantuan Kadar	3,279,605	3,178,044
	Lesen Dan Permit	27,413,966	28,789,882
	Denda Dan Hukuman	13,311,614	14,945,056
	Sumbangan Tempatan dan Bayaran Gantirugi dari Luar Negara	2,592,056	5,475,761
	Geran Keseimbangan	5,000,000	5,000,000
	Geran Lain	5,507,553	-
		325,184,649	**321,009,490**
16.2	**URUSNIAGA PERTUKARAN**		
	Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	20,932,616	25,951,999
	Perolehan Dari Jualan Barang	1,799,433	1,455,080
	Sewaan	14,364,869	13,467,386
	Faedah Dan Perolehan Pelaburan	13,701,573	15,762,629
		50,798,491	**56,637,094**
16.3	**PELBAGAI HASIL**		
	Pulangan Balik Perbelanjaan	2,055,132	2,235,335
	Terimaan Lucut Hak Cagaran	15,622	76,718
	Susutan Hutang Ragu	823,357	1,914,730
		2,894,111	**4,226,783**
	PERBELANJAAN MENGURUS		
16.4	**EMOLUMEN**		
	Gaji Dan Upahan	58,426,459	57,624,087
	Elaun Tetap	21,447,276	21,593,751
	Sumbangan Berkanun	10,780,295	10,706,933
	Elaun Lebih Masa	6,715,370	7,285,680
	Faedah Kewangan Yang Lain	5,989,156	3,766,543
		103,358,556	**100,976,994**

16. PENYATA PRESTASI KEWANGAN TERPERINCI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (sambungan)

		2021	2020
		(RM)	(RM)
16.5	**PERKHIDMATAN & BEKALAN**		
	Tuntutan Perjalanan	2,187,337	1,786,348
	Pengangkutan Barang-barang	14,082	11,943
	Perhubungan Dan Utiliti	14,320,920	14,634,601
	Sewaan	4,232,467	4,031,596
	Makanan-makanan Yang Lain	44,540	42,154
	Bekalan Bahan Mentah	3,417,935	3,003,555
	Bekalan Bahan Lain	6,138,647	8,671,197
	Penyelenggaraan Dan Pembaikan	23,271,261	25,006,389
	Perkhidmatan Ikhtisas	100,233,192	101,247,120
		153,860,381	**158,434,903**
16.6	**PEMBERIAN & KENAAN TETAP**		
	Pemberian Dalam Negeri	146,445	151,785
	Tuntutan, Insuran dan Pampasan	4,231,567	3,310
		4,378,012	**155,095**
16.7	**PERBELANJAAN LAIN**		
	Bayaran-bayaran Lain	4,739,267	4,678,084
	Pulangbalik Dan Hapuskira	75,610	472,823
	Susutnilai	38,375,812	38,705,194
	Peruntukan Hutang Ragu	952,227	1,048,028
	Peruntukan Manfaat Kakitangan	1,152,465	1,176,016
		45,295,381	**46,080,145**
	PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		
16.8	**PERKHIDMATAN & BEKALAN**		
	Bekalan Bahan Mentah	1,207,281	1,188,321
	Bekalan Bahan Lain	96,424	63,910
	Penyelenggaraan Dan Pembaikan	12,338,757	8,619,872
	Perkhidmatan Ikhtisas	40,863,546	40,720,305
		54,506,008	**50,592,408**

16. PENYATA PRESTASI KEWANGAN TERPERINCI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 (sambungan)

	2021	2020
	(RM)	(RM)
16.9 ASET		
Bangunan dan Pembaikan Bangunan	4,291,183	3,607,587
Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan	5,992,639	5,017,017
	10,283,822	**8,624,604**
16.10 PEMBERIAN & KENAAN TETAP		
Pemberian Dalam Negeri	198,817	477,269
	198,817	**477,269**

17. PELARASAN TAHUN LALU

Pelarasan tahun lalu dinyatakan semula seperti berikut :

	Seperti dinyatakan sebelum ini	Pelarasan tahun lalu	Seperti dinyatakan semula
	RM	RM	RM
Kesan atas Kumpulan Wang Majlis			
Baki pada 31 Disember 2019	796,650,742	13,420,819	810,071,561
Baki pada 31 Disember 2020	829,024,600	(2,421,090)	826,603,510
Kesan atas Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 (sebahagian)			
Hartanah, Loji dan Peralatan	661,747,777	(2,421,090)	659,326,687

(1) Pelarasan bagi Hartanah, Loji dan Peralatan pada tahun 2020

i - Pengiraan semula Aset Infrastruktur harga kos dan susutnilai kerana berlaku kesilapan pengiraan pengiktirafan pada tahun lalu.

18. INSTRUMEN KEWANGAN – DASAR PENGURUSAN RISIKO

Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, Majlis mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis akan sentiasa memantau baki tunggakan secara berterusan dan akan mengambil tindakan mengikut kaedah perundangan yang dibenarkan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Majlis pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

	Dalam Tempoh setahun	Lebih Tempoh Setahun	Jumlah
	RM	RM	RM
Pada 31 Disember 2021			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	49,256,816	-	49,256,816
	49,256,816	-	49,256,816

	Dalam Tempoh setahun	Lebih Tempoh Setahun	Jumlah
	RM	RM	RM
Pada 31 Disember 2020			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	56,797,145	-	56,797,145
	56,797,145	-	56,797,145

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

19. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

	2021	2020
Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan	25	25

	2021	2020
	RM	RM
Jumlah ganjaran	1,275,271	1,397,685

20. KOMITMEN MODAL

Keterangan	2021	2020
	RM	RM
i) Diluluskan dan dikontrakkan	-	440,600
ii) Diluluskan	-	-
JUMLAH	-	**440,600**

Komitmen modal yang 'Diluluskan dan dikontrakkan' merupakan pesanan rasmi dan arahan kerja yang telah dikeluarkan tetapi penerimaan bekalan atau kerja belum dilaksanakan setakat 31 Disember 2021. Manakala komitmen modal yang 'Diluluskan' pula merujuk kepada perolehan yang diluluskan untuk urusan penyediaan kontrak dan pesanan.

21. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai tempoh kewangan dari 01 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021. Jumlah bajet ini telah dibentangkan di Mesyuarat Majlis Khas (Bajet) pada 30 September 2020.

Bajet dan Penyata Kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam Penyata Kewangan ini telah disusun semula dari asas akruan kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar. Selain perbezaan asas ini pelarasan kepada jumlah dalam Penyata Kewangan dan Bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti di bawah.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti di bawah:

	Nota	Operasi	Pelaburan	Pembiayaan	Jumlah
		RM	RM		RM
Jumlah sebenar di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar		41,356,723	(12,674,828)	-	28,681,895
Perbezaan asas	(a)	24,685,362	(28,309,782)	-	(3,624,420)
Perbezaan masa					
Perbezaan entiti	(b)	-	-	-	-
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai		66,042,085	(40,984,610)	-	25,057,475

Nota a:
Perbezaan asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa tetapi merupakan pembayaran berhubung tahun kewangan yang lalu.

Nota b:
Perbezaan entiti bagi aktiviti pembiayaan wujud disebabkan oleh lain-lain kenaan bank.



WWW.MBPJ.GOV.MY

PROFESIONALISME . SETIA . KERJA BERPASUKAN
UTAMAKAN PELANGGAN . INTEGRITI

@pjcitycouncil @pjcitycouncil @pjcitycouncil PJCityCouncil @pjcitycouncil